




● BIL 258 ● 19 - 25 APRIL 2024 ● PP19441/12/2018 (035014)

WILAYAHKU

www.wilayahku.com.my



'MISI GILA'

BERJAYA

P Ramlee di mata
sasterawan

>> 8

Jaga-jaga badan
naik lepas raya

>> 9-11

Kes dadah di Labuan
meningkat 25 peratus

>> 20


>>> 3

Zaliha dilantik Pengerusi Majlis Tindakan Pembangunan Wilayah Persekutuan

MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mutaffa menerima wafat pelantikan sebagai Pengerusi Mesyuarat Majlis Tindakan Pembangunan Wilayah Persekutuan (MTPWP) yang disampaikan oleh Ketua Pengarah Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU) Jabatan

Perdana Menteri (JPM), Datuk Azman Ibrahim di pejabatnya pada Selasa. Mesyuarat ini bertujuan untuk memantau, menyelaraskan dan mengenal pasti strategi, isu dan lain-lain berkaitan pelaksanaan projek pembangunan Wilayah Persekutuan. Turut serta sebagai ahli mesyuarat

adalah Ahli-ahli Parlimen Wilayah Persekutuan, Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan, Timbalan Ketua Pengarah (PP) JWP, barisan pengurusan tertinggi agensi termasuklah Datuk Bandar Kuala Lumpur, dan pengarah-pengarah bahagian dan agensi di bawah JWP.



Kerajaan perlu ambil tindakan keras

Wujudkan akta khas lindungi Institusi Diraja

AZLAN ZAMBRY

PERBUATAN menghina Yang di-Pertuan Agong (YDPA) dan Institusi Raja-Raja Melayu (RRM) perlu dibanteras kerana ia jelas telah melanggar prinsip Rukun Negara kedua iaitu Kesetiaan Kepada Raja dan Negara.

Bekas Felo Institusi Raja-Raja Melayu Universiti Teknologi MARA (UiTM), **Mujibu Abdul Muis** berkata perbuatan tersebut merupakan bibit-bibit yang sedang bercambah apabila tindakan menghina Institusi Diraja secara terang-terangan khususnya dalam kalangan generasi muda dengan menggunakan platform media sosial dilihat menjadi budaya.

“Kerajaan khususnya Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Kementerian Komunikasi perlu bertindak tegas terhadap apa jua perkara-perkara yang menyentuh perihal 3R (Raja, Bangsa dan Agama) dan sebarang bentuk provokasi yang telah menimbulkan kekusaran awam dan ia berpanjangan,” katanya ketika dihubungi.

Pensyarah Kanan Sains Politik itu juga berkata kerajaan disarankan untuk menggubal satu akta khas yang boleh melindungi Institusi Diraja daripada

disentuh dan dipermainkan oleh kumpulan-kumpulan tertentu untuk jangka masa panjang.

“Saya tidak melihat akta itu akan menutup kebebasan bersuara kerana konteks kebebasan di dalam Perlembagaan Persekutuan itu tidak mutlak sepenuhnya kerana ada akta tertentu yang mengawal dan memberikan ruang kepada perkara itu untuk lebih berkembang.

“Begitu juga ketika bersuara, sekiranya digunakan untuk perkara-perkara yang betul, ia akan memberi lebih banyak ruang kepada pencambahan idea, pertukaran pandangan yang boleh mengembangkan dan menambahkan ilmu pengetahuan maka sudah tentu ia dibenarkan.

Mujibu menegaskan bahawa semua pihak perlu menerima hakikat bahawa perubahan trend semasa atau *centris* yang berlaku kepada parti-parti politik disebabkan dinamika politik itu berubah dan ia bergerak menjadi *far left* atau *far right*.

“Cumanya, ada parti-parti politik yang tidak bertanggungjawab yang memainkan sentimen berunsur 3R dengan niat untuk meraih laba politik yang tidak seberapa,

walhal jika kita lihat isu yang menyentuh Islam dan peranan cemerlang YDPA telah pun dimainkan dengan bijaksana,” katanya.

Tambah beliau, sekiranya dibiarkan berlaku tanpa kawalan dan tindakan tegas, maka tunas ekstrimis akan terbit seterusnya membentuk gelombang yang meracuni pemikiran generasi muda yang berisiko untuk negara.

Mujibu menegaskan, tindakan segelintir pihak menggunakan insiden berkaitan dengan Islam baru-baru ini didapati telah sengaja melemparkan penghinaan terhadap Institusi Diraja dan ia berpunca daripada kerangka sempit kepartian semata-mata.

“Semua pihak perlu mengambil daripada perspektif yang besar bagaimana sepanjang konflik politik, masalah ekonomi disebabkan isu kesihatan sejagat COVID-19 jelas menunjukkan Institusi Diraja ini telah melaksanakan peranan yang cemerlang sebagai payung rakyat jelata,” katanya.

Ujar Mujibu, dakwaan bahawa institusi tersebut tidak berfungsi adalah tersasar kerana sebahagian besar penyokongnya telah dimomokkan dengan sentimen tertentu serta telah mengeksploitasi perkara sensitif demi mendapatkan pulangan politik.

Dipengaruhi retorik politik punca hina Raja-Raja Melayu

MUDAH dipengaruhi sentimen dan retorik politik menjadi punca segelintir rakyat negara ini masih tidak memahami konsep Raja Berpelembagaan yang menyebabkan penghinaan dan sindiran terhadap Institusi tersebut.

Pensyarah Kanan Fakulti Undang-Undang Universiti Teknologi MARA (UiTM), **Dr Ikmal Hisham Md Tah** berkata perkara berkenaan yang kini menjadi *trend* dalam kalangan penyokong parti politik tertentu diburukkan dengan mainan sentimen politik keterlaluan di media sosial yang menjadikan keadaan lebih teruk dan mendapat respon aktif dari pengguna media massa.

“Naratif anti Islam yang dimainkan ini berpunca dari kenyataan ahli-ahli politik dan mempengaruhi media sosial yang memuat naik kenyataan yang semberono dan bersifat provokasi untuk menggugat kedudukan Islam dalam negara.

“Naratif ini semakin galak selepas selesai dua Pilihanraya Persekutuan dan Negeri oleh segelintir pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan pilihanraya yang tidak memihak pihak mereka. Oleh sebab itu usaha-usaha memainkan sentimen dan naratif anti Islam ini galak dan sekiranya tidak dikawal akan menyebabkan ketidakpuasan hati dalam kalangan rakyat,” katanya kepada Wilayahku.

Beliau menggesa supaya kerajaan perlu lebih bertegas dan menguatkuasakan perundangan sedia ada dalam Kanun Keseksan, Akta Hasutan, Akta Komunikasi dan Multimedia serta undang-undang lain yang relevan.

“Ia bagi memastikan

penghinaan terhadap institusi beraja dikenakan tindakan selanjutnya dan negara ini mempunyai mekanisme perundangan yang sedia ada namun masih lemah dalam aspek penguatkuasaan, pendakwaan dan sabitan hukuman terhadap mereka yang melanggar undang-undang berkaitan,” katanya.

Ikmal Hisham menegaskan bahawa titah Yang di-Pertuan Agong merupakan nasihat terbaik kepada ahli-ahli politik dalam mengurangkan suhu ketegangan kaum dan agama selepas insiden kalimah Allah di stokin seperti yang tular baru-baru ini.

“Pada pandangan saya ketidakpedulian terhadap titah baginda adalah sesuatu yang mendukacitakan dan tidak sepatutnya berlaku.

“Ahli-ahli politik seharusnya berfikir jauh dan tidak hanya

memikirkan *survival* politik peribadi semata-mata dalam melihat titah baginda sebagai satu nasihat bagi memastikan negara aman dan rakyat berasa selamat,” katanya.

Beliau turut mencadangkan supaya perundangan sedia ada dikuatkuasakan dengan lebih tegas serta kajian dan pindaan semula terhadap undang-undang berkaitan jenayah siber dapat dilihat dan dikaji semula bagi memastikan isu 3R (agama, kaum, Raja) di media sosial dapat dikuatkuasakan.

“Agensi seperti polis dan pihak Pendakwa Jabatan Peguam Negara boleh menjalankan kerjasama yang lebih baik dan aktif dalam memastikan kes-kes membabitkan 3R dapat dibawa ke mahkamah dan proses keadilan berjalan sewajarnya,” katanya.



IKMAL



MUJIBU

‘Misi Gila’ di medan perang

Kewibawaan PM Anwar tempa kejayaan

AZLAN ZAMBRY

KEWIBAWAAN Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam memimpin sebuah ‘Misi Gila’ menyeludup keluar keluarga Aktivist Palestin di Gaza, Nadir Al-Nuri Kamaruzaman ke Malaysia dengan selamat tidak wajar dipertikaikan mana-mana pihak.

Geostrategis dan Felo Kanan Akademi Penyelidikan Strategik Nusantara (NASR), **Profesor Dr Azmi Hassan** berkata sekiranya diperhatikan beberapa misi kemanusiaan sejak mula tercetusnya peperangan sebelum ini, pihak berkepentingan tersebut perlu mendapatkan kebenaran Israel sebelum ia boleh dilaksanakan di Palestin.



AZMI

“Sebagai contoh, misi air drop atau penghantaran makanan menerusi udara yang dilaksanakan oleh beberapa buah negara sebelum ini termasuklah Jordan, Amerika Syarikat (AS), Perancis dan Indonesia, mereka memerlukan keizinan daripada Israel kerana negara haram itu mengawal 100 peratus ruang udara, darat dan keseluruhan Gaza.

“Jadi setiap misi itu termasuklah misi kemanusiaan perlu mendapatkan lampu hijau daripada Israel, malah dua bulan lepas, mertua kepada Perdana

Menteri Scotland, Humza Yousaf terperangkap dan mengambil masa yang agak lama iaitu sekitar tiga minggu sebelum ia dibenarkan keluar dari kawasan berkenaan selepas mendapat keizinan daripada Tel Aviv,” katanya ketika dihubungi.

Menurut Azmi, terdapat fakta yang menarik apabila keluarga aktivis Malaysia itu berjaya di bawa keluar menerusi misi khas tanpa pengetahuan Israel.

“Semua sudah sedia maklum kawasan tersebut amat berbahaya dan ia merupakan medan perang, namun operasi itu berjaya dilaksanakan kerana faktor pertolongan daripada Presiden

Mesir, Abdel Fattah Al-Sisi.

“Disini hubungan baik antara Presiden Mesir dan Perdana Menteri itu membuahkan kejayaan dan membawa keluar aktivis Malaysia dan keluarganya.

“Jadi dalam hal ini kita tidak boleh memandang remeh personal contact atau kewibawaan Perdana Menteri dalam menentukan kejayaan ini. Tanpa keberanian Perdana Menteri, maka tidak mungkin operasi ini akan dilaksanakan lebih-lebih lagi ia berjaya dan merupakan faktor yang begitu penting sekali,” katanya.

Ketika mengulas mengenai



HUBUNGAN erat Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan Presiden Mesir, Abdel Fattah Al-Sisi berjaya melaksanakan misi tanpa pengetahuan Israel.

peranan yang dilaksanakan Perdana Menteri yang lantang menyatakan pembelaan kepada Palestin dan diletakkan sebaris dengan nama besar pemimpin Arab seperti bekas Presiden Iraq, Saddam Hussein dan Presiden Turkiye, Recep Tayyip Erdogan, Azmi berkata beliau tidak mencurigai kedudukan Anwar di arena antarabangsa terutama dalam kalangan pemimpin negara-negara Islam.

“Sememangnya Perdana Menteri Malaysia sekarang

dan sebelum ini juga lantang menyokong Palestin. Malah dalam konteks Iran juga, Datuk Seri Anwar lantang menyokong negara berkenaan dalam aspek mempertahankan negaranya,” katanya.

Jelas Azmi, jika hendak dibandingkan Perdana Menteri dengan Presiden Erdogan, kedua-duanya memang lantang menyuarakan hak dan kepentingan Palestin namun terdapat perbezaan disebabkan Malaysia tidak mempunyai

sebarang hubungan dengan negara haram berkenaan.

“Bezanya Malaysia dan Turkiye, mereka masih mempunyai hubungan dagang dan diplomatik dengan Israel. Kita langsung tidak mempunyai apa jua hubungan sama ada diplomatik mahupun perdagangan dengan Israel.

“Dan apabila kita menyatakan sokongan terhadap Palestin, ia adalah padu seperti istilah yang digunakan oleh Presiden AS, Joseph Biden iaitu ironclad,” katanya.

Tegas Azmi, disini dapat dilihat perbezaan pemimpin Malaysia dengan Turkiye mahupun dengan negara-negara Arab dalam soal menyatakan sokongan terhadap perjuangan Palestin yang telah berlanjutan hampir 70 tahun lalu.

“Malaysia tidak akan berselindung dan jika kita menyatakan sokongan, ia padu serta tidak berbelah bahagi malah ia 100 peratus dan tiada permainan di sebalik tabir seperti yang banyak berlaku dalam kalangan pemimpin negara Arab,” katanya.

Justeru itu, tegas Azmi sikap yang ditunjukkan oleh Perdana Menteri ini perlu dihayati dan difahami oleh rakyat Malaysia khususnya dalam isu melibatkan tindakan Iran kerana tidak banyak pemimpin negara Arab yang menyatakan sokongan secara langsung. 🇲🇾

Penantian 183 hari penuh debaran ternoktah

PENANTIAN panjang selama 183 hari berjaya dinoktahkan apabila isteri dan anak-anak yang sebelum ini terkandas di Semenanjung Gaza berjaya diselamatkan sebelum dihantar ke Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutif Cinta Gaza Malaysia, **Muhammad Nadir Al-Nuri Kamaruzaman** dalam hantaran di laman Facebook menyifatkan ‘Misi Gila’ yang dipimpin Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai hampir mustahil apabila hanya memberi maklum balas ringkas dan mengaggap ia sebagai bahasa orang politik semata-mata.

“Saya bersama sahabat merangka kepada kami, Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Perundingan Islam Malaysia (MAPIM), Dr Ahmad Sani Araby diberikan peluang bertemu watak utama misi menyelamatkan sebulan lepas di satu majlis di Shah Alam, beberapa hari sebelum beliau ke Berlin.

“Dalam ramainya orang, sempat saya maklumkan keluarga terkandas di Rafah. Beliau hanya sempat membelek kiriman kami, memberikan respon ringkas ‘saya akan bantu’ dan terus menaiki

kenderaannya memecut ke majlis seterusnya,” katanya.

Beliau berkata hatinya mula luluh apabila mendengar jawapan balas daripada Perdana Menteri dan menganggap itu adalah bahasa orang politik semata-mata. “Namun dalam surat saya, ada saya akhiri ayat dengan ‘Kepada Allah jualah kami berserah’. Saya langsung tawakal dan serahkan segalanya kepada Allah.

Bercerita lanjut, Nadir berkata sehari sebelum Aidilfitri, beliau dihubungi Setiausaha Politik Perdana Menteri, Ahmad Farhan Fauzi yang merupakan watak penting yang mengusahakan misi ini.

“Sejak awal peperangan beliaulah yang kerap menjemput kami ke pejabatnya di Putrajaya dan selalu menghubungi kami bertanyakan keadaan keluarga dan perkembangan di Gaza.

“Kali ini nadanya berbeza, agak serius dan beliau memaklumkan kami untuk datang ke satu lokasi khas. Saya dan Dr Sani saja dibenarkan ke sana! Allahuakbar. Ada apa pula ni? Saat sampai ada kenderaan hitam menanti. Risau juga macam dalam movie,”

katanya.

Katanya lagi, saat tiba dilokasi berkenaan, beliau terkejut apabila pintu kereta hitam itu dibuka, beliau diterpa anak yang sebelum ini hanya dapat dilihat menerusi panggilan video sahaja.

“Alangkah terkejutnya saya saat pintu dibuka, saya diterpa anakanda yang selalu hadir dalam mimpi sekian malam. Air mata seorang ayah sudah bertakung tak mampu menahan kerinduan.

“Saya sudah biasa melalui perang di Gaza, melihat kehilangan dan air mata serta cekalnya kehidupan. Tetapi misi ini saya katakan ‘Misi Gila’ kerana bukan mudah untuk dikeluarkan keluarga saya saat bedilan roket dan hentaman bom bertali-arus, malah ketegangan di sempadan juga berlanjutan.

“Namun secara senyap pemimpin negara menghubungi pihak sana ternyata diplomasi insani ini jauh lebih berkesan daripada kaedah yang lain,” katanya.

Jelasnya lagi, prosesnya cepat, teratur dan lancar walaupun penuh dengan 1001 cabaran tersirat dan kisahny akan keluar



KELUARGA Nadir Al-Nuri akhirnya berjaya disatukan semula selepas melalui episod genting ketika terperangkap di Gaza.

satu demi satu tetapi tidak semua beliau berhak untuk kongsi.

“Tetapi watak utama dalam ‘Misi Gila’ ini adalah Perdana Menteri kita, Datuk Seri Anwar Ibrahim sendiri.

“Suka beliau atau tidak, dalam soal Palestin umat perlukan satu

ketumbukan. Palestin pernah bergantung kepada garangnya Saddam Hussein, kemudian lantangnya Erdogan. Kini tiba giliran kita dan yang boleh kita banggakan ialah ketegasan Malaysia dalam bersolidariti,” katanya. 🇲🇾

Dakwaan hidap penyakit kronik tidak berasas

Tahap kesihatan PMX baik

BIARPUN baru sahaja selesai menyambut bulan Ramadan dan sedang meraikan Aidilfitri yang mulia, namun ia seolah-olah tidak memberi kesan kepada segelintir individu yang tidak habis-habis menyebarkan fitnah.

Dilihat sengaja mencipta kontroversi, individu tidak bertanggungjawab yang masih dalam siasatan pihak berkuasa itu sewenang-wenangnya melemparkan tuduhan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dalam video berdurasi 1 jam 32 minit 50 saat yang dimuat naik di laman *YouTube* bertajuk DSAI Penyakit Misteri Tiada Penawar AIDS menuduh PMX menghidap penyakit yang digeruni ramai.

Tuduhan tidak masuk akal itu dilihat sengaja ingin mengganggu-gugat keharmonian kaum di negara ini serta dalam masa yang sama memecahbelahkan rakyat.

Lebih buruk lagi, ia dilakukan ketika pemimpin itu sedang sibuk memberi fokus untuk membawa Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang akhir dekad ini.

Tidak mungkin sama sekali PMX mampu bekerja dengan rutin jadual yang penuh selain menghadiri rangka lawatan ke luar negara jika kondisi kesihatan beliau seperti yang diperkatakan.

Menyangkal dakwaan berniat jahat itu, Setiausaha Politik Menteri Kewangan, Kamil Munim berkata tahap kesihatan Anwar ketika ini berada dalam keadaan baik biarpun dipenuhi jadual padat sebagai pemimpin utama negara.

Untuk itu jelas menunjukkan biarpun terdapat pihak yang terus



BIARPUN dipenuhi jadual padat namun tahap kesihatan Anwar sentiasa baik.

mempersoalkan tahap kesihatan beliau, ia tidak lebih sekadar naratif tidak berasas untuk tujuan menyebarkan fitnah semata.

“Sebagai antara individu yang dekat dengan Perdana Menteri, saya mengesahkan keadaan dan tahap kesihatan beliau jauh lebih baik daripada sebahagian kita, meskipun diasak dengan jadual yang terlalu padat.

“Untuk sosok yang berumur 76 tahun seperti beliau, adalah biasa untuk kadangkala mengalami sedikit demam atau alahan, namun kecekalan, ketangkasan dan kecerdasan beliau untuk bekerja terus mengampuh, malah untuk kami yang berada di barisan staf serta yang jauh lebih muda ini untuk mengejar *pace* (kepantasan) kerjanya juga kadang-kadang tertinggal,” katanya dalam

kenyataan di *Facebook* beliau, baru-baru ini

Mengulas mengenai naratif fitnah yang cuba dilemparkan beberapa *blogger* pembangkang berkait tahap kesihatan PMX, beliau berkata Anwar tidak berganjak daripada tekadnya untuk merubah negara dan perubahan itu satu proses yang mesti ditelan meskipun memakan masa dan menerima kecaman.

“Ketika umat Islam baru selesai menyambut Ramadan dan sedang meraikan Aidilfitri, ruang suci ini terus dirempuh dengan hamburan politik yang berbaur fitnah dan rekayasa oleh beberapa watak yang kita sedia maklum mempunyai dendam yang tidak berkesudahan terhadap Perdana Menteri yang kini gigih mengemudi bahtera negara ke

mercu lebih tinggi.

“Lebih parah, naratif longkang dan rendah akal ini dipanjangkan oleh sebilangan pendukung gerombolan yang mahu menegakkan Islam. Ini ternyata mendukacitakan tatkala Islam melarang umatnya dari sebarang unsur fitnah. Penegasan ini juga tidak sampai ke benak sebilangan mereka,” katanya.

Terdahulu, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah memanggil pemilik akaun media sosial, Badrul Hisham Shaharin (Chegubard), Mohamad Salim Iskandar (Salim Iskandar) dan Wan Muhammad Azri Wan Deris (Papagomo) untuk rakaman percakapan. Sementara rakaman percakapan Papagomo dilakukan di Balai Polis Setapak. 📞

Tiada istilah kerajaan bersifat zalim

ISU royalti dan peruntukan negeri Kelantan dan Terengganu merupakan antara isu panas yang diperkatakan di media sosial. Fitnah yang sering dilemparkan dengan menuduh kerajaan menyekat royalti tersebut.

Biarpun telah ditegaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bahwa kerajaan tidak zalim di mana peruntukan Persekutuan yang disalurkan kepada Terengganu adalah lebih tinggi berbanding kerajaan terdahulu namun sentimen ini terus dimainkan.

Terbaharu, individu tidak bertanggungjawab memuat naik hantaran di *Facebook* mengatakan PMX mengambil royalti berjumlah berbilion ringgit untuk dimasukkan ke akaun PKR adalah fitnah yang melampau.

Tampil menafikan perkara tersebut, Menteri Komunikasi yang juga Ketua Penerangan PKR,



PAPARAN status yang dimuat naik individu tidak bertanggungjawab di laman sosial.

Fahmi Fadzil berkata tidak pernah ada jumlah seperti yang dituduh itu masuk ke dalam akaun PKR.

“PKR menerbitkan akaun setiap kali kongres diadakan dan akaun tersebut diaudit juruaudit bertauliah. Ada individu muat naik *posting* palsu dan fitnah yang amat jijik,” ujarinya.

Dalam masa yang sama, beliau

juga telah mengarahkan supaya laporan polis dan aduan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dilakukan terhadap dakwaan berbilion ringgit wang royalti tersebut.

Fitnah di laman sosial saat ini dikhuatiri mengganggu gugat perpaduan kaum dan memberi impak kepada negara. Diharapkan orang ramai bijak dan tidak sewenang-wenangnya menerima bulat-bulat maklumat yang sampai.

Sebelum ini, PM ada menegaskan pemberian belanja pembangunan untuk negeri ditadbir PAS dan BERSATU itu, sebanyak RM1.59 bilion disalurkan kepada Terengganu tahun ini berbanding RM1.55 bilion tahun lalu.

Katanya, royalti petroleum dibayar kepada Terengganu juga bertambah semasa pentadbiran

Kerajaan MADANI berbanding ketika PAS dan BERSATU berada dalam Kerajaan Persekutuan.

Justeru, tidak wujud istilah kerajaan bersifat zalim terhadap Terengganu memandangkan kerajaan telah melunaskan pemberian wang ihsan berdasarkan hasil petroleum 2023.

“Cuma kita tak bagi melalui Ahli Parlimen, kita beri pada rakyat, kita tumpu kepada miskin. Kalau miskin tegar, tak kira dia ahli parti mana, kawasan mana, kita bantu tanpa pilihan, sama ada kaum, agama, kawasan atau parti,” katanya.

Terengganu mempunyai jumlah rakyat miskin yang ramai, belanja pembangunan lebih daripada jumlah yang disebut sebagai wang ihsan. Jika ada kecemasan atau yang mendesak, kerajaan terus memberi peruntukan untuk menyegerakan projek. 📞

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

8 - 21/4/24: Teka Koleksi & Menang Duit Raya! @ Muzium Negara

20/4/24: Pertandingan Solekan Raya dan Menghias Pulut Kuning @ Stadium Bola Sepak KL

1/3 - 31/5/24: Project Temporary Marking @ Balai Seni Negara

16/6/24: Kuala Lumpur 10K Race 2024 @ Conquer The City



PUTRAJAYA

3 - 5/5/24: Jom Heboh @ Putrajaya

5/4 - 5/5/24: Insentif Kediaman Hijau Putrajaya

27/7/24: Ecotrail Putrajaya

1 - 31/10/24: Jom #BEATNCDS 2024



LABUAN

23 - 28/4/24: Labuan International Sea Challenge @ Labuan International Sea Sport Complex

26-28/4/24: Kejohanan Bola Sepak Pantai Terbuka Labuan @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan

3 - 5/5/24: Labuan Big Show @ Dataran Labuan

28/1 - 30/6/24: Labuan Diving Festival 2.0



'Paling penting jangan malas'

Apakah antara cabaran getir yang dihadapi YB sepanjang berkhidmat sebagai ADUN Pandan Indah?

Kalau kita perhatikan di Pandan Indah, lokasi ini banyak terdapat rumah kos rendah, berdekatan dengan ibu kota selain pengangkutan awam yang senang diakses.

Justeru itu, di sini merupakan destinasi pilihan warga kota kerana kemudahan-kemudahan tersebut. Oleh kerana itu, boleh dikatakan kepadatan penduduk adalah antara cabaran utama di sini namun dengan anggaran sekitar 80,000 pengundi yang hadir ketika Pilihan Raya Umum tempoh hari dan mungkin angkanya lebih tinggi.

Walau bagaimanapun, apa yang perlu saya lakukan ialah mahu kesemua warga Pandan Indah mempunyai kehidupan yang selesa.

Fokus utama YB dalam membangunkan Pandan Indah?

Sudah tentu dengan masalah kepadatan penduduk di Pandan Indah ini, antara perkara yang saya fokuskan adalah infrastruktur antaranya soal pembaikan serta penyelenggaraan jalan raya kerana kita tahu jalan raya mana sahaja yang tak rosak jika digunakan setiap hari.

Justeru itu adalah penting untuk selenggara dengan baik demi memastikan pengguna berpuas hati.

Selain itu juga perbaiki perumahan kos rendah dengan menggantikan bumbung yang sudah bocor, cat balik flat-flat yang sudah usang serta kemudahan awam.

Ini antara elemen terpenting dalam memberikan kehidupan yang selesa buat warga Pandan Indah di samping meraih kepercayaan mereka.

AHLI Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pandan Indah, **IZHAM HASHIM** terus menabur bakti membantu rakyat terutamanya di kawasan Pandan Indah.

Walau pelbagai cabaran mendatang namun tidak sedikit pun melunturkan semangat beliau untuk memberikan yang terbaik demi masa depan negara yang lebih cemerlang.

Selain menggalas tanggungjawab sebagai ADUN Pandan Indah, Izham juga memikul tugas sebagai Exco Infrastruktur dan Pertanian Negeri Selangor.

Kepada wartawan *Wilayahku*, **SYED HAZIQUE SYED NOR** dan jurufoto **SHUAIB AYOB**, Izham berkongsi pengalaman mahalnyanya sepanjang perkhidmatan.

Masalah kesesakan sering membelenggu penduduk, apakah inisiatif YB untuk mengatasinya?

Sebenarnya, antara penyelesaian terbaik masalah kesesakan lalu lintas ini ialah dengan menggunakan pengangkutan awam. Saya lihat, perkara ini dapat mengurangkan kebergantungan untuk membawa kenderaan sendiri.

Tambahan pula pengangkutan awam di kawasan ini sangat mudah untuk diakses, ada bas pengantara serta LRT dan MRT yang dekat dengan kawasan penduduk.

Justeru itu, saya amat menggalakkan untuk menggunakan perkhidmatan awam selain dapat mengoptimalkan kecerdasan serta kecergasan badan daripada menghadapi jem yang mengundang stres.

Apakah langkah yang diambil untuk membantu kerajaan membasmi miskin tegar?

Soal miskin tegar masa kini, kita tidak lagi boleh kata hanya berlaku di kawasan luar bandar, malah di kawasan bandar juga ramai yang tergolong dalam golongan itu.

Kalau di peringkat negeri, ada banyak dasar untuk membasmi

atau mengurangkan jumlah purata miskin tegar ini, pelbagai program yang ditawarkan bagi membantu keperluan harian.

Dalam pada masa sama, selain bantuan kita memperkasakan mereka, beri mereka sesuatu yang lebih kekal. Antaranya seperti mengadakan program kemahiran untuk menambah pendapatan dan menyediakan program pendidikan kepada anak-anak mereka untuk mengubah nasib keluarga di masa hadapan.

Selain itu, saya bersama pasukan memberikan bantuan berterusan dengan menyediakan kira-kira 500 ke 1,000 pek barangan keperluan setiap bulan yang bernilai RM50 setiap pek untuk diagihkan sejak 2020.

Pada saya dua kaedah sahaja yang mampu mengubah nasib kita, iaitu dari segi pendidikan dan peluang pekerjaan. Paling penting jangan malas, kalau kita sendiri tidak mahu berubah mengubah nasib diri siapa lagi yang dapat membantu.

Umum sedia maklum, negara juga semakin menua, apakah inisiatif yang dilaksanakan YB dalam memastikan masa hadapan golongan warga emas terjamin?

Sebenarnya, dari segi penuaan masyarakat dan sesebuah negara ini, ia secara tidak langsung melambangkan kemajuan sesebuah negara tersebut. Kita lihat sendiri bila aspek kesihatan bagus, masyarakat juga berumur panjang.

Apa yang saya laksanakan, kita memastikan kemudahan untuk warga emas ini diselenggara dengan baik, berikan keperluan atau bantuan-bantuan yang diterima mereka. Kita jaga kebajikan dengan mengadakan banyak program kesihatan bersama warga emas di kawasan Pandan Indah antaranya saringan kesihatan secara berkala. Adalah lebih baik mencegah daripada merawat penyakit.

Sebelum ini YB memaklumkan pentingnya bidang pendidikan, apakah program yang telah dijayakan?

Anak-anak ialah masa hadapan negara. Bagi membentuk negara, perlu memberikan pendidikan serta kefahaman kemahiran yang terbaik buat anak-anak ini.

Kita juga ada menyumbangkan barangan keperluan persekolahan buat mereka yang tidak mampu, malah Kerajaan Negeri juga turut menyediakan kelas tuisyen.

Selain itu, program-program yang berteraskan modal insan juga perlu diteruskan bagi membentuk jati diri anak-anak muda ini supaya menjadi seorang pemimpin yang berguna kepada masyarakat dan negara.

Bagaimana YB menyantuni penduduk kawasan Pandan Indah?

Antara perkara yang saya sentiasa ingatkan pada diri saya ialah saya bekerja untuk rakyat. Sehubungan dengan itu, kesejahteraan rakyat adalah keutamaan saya, dan disebabkan itu kita perlu

mendengar segala keluhan masalah dan memberi solusi yang terbaik buat semua pihak.

Saya mempunyai pasukan yang akan mencari atau menolong mana-mana warga Pandan Indah yang memerlukan di samping memberi bantuan dari segi ilmu kemahiran untuk *upskill* diri supaya boleh menambah pendapatan mereka.

Selain itu, saya juga saling berhubung rapat dengan persatuan penduduk, ahli majlis, pemimpin masyarakat, ahli jawatankuasa masjid serta surau.


Ini adalah antara medium perhubungan yang mudah untuk kita mendengar keluhan rakyat, rintihan mereka. Kita adakan mesyuarat dan cuba cari titik jalan penyelesaian.

Tambahan lagi dengan dunia yang berkembang bersama teknologi yang lebih maju, sebagai YB, saya juga banyak memberikan info-info berguna di saluran-saluran media sosial di mana warga Pandan Indah boleh melihat segala perkembangan atau aktiviti saya bersama penduduk atau info berguna serta bantuan daripada kerajaan.

Apakah harapan YB buat warga Pandan Indah?

Tujuan saya jadi wakil rakyat untuk pastikan kehadiran saya memberikan sumbangan positif kepada kehidupan mereka.

Saya bukan berdiri di sini untuk menjadi masalah, saya mahu membantu meringankan beban. Semua yang saya lakukan ialah untuk kepentingan rakyat.

Suka untuk saya ingatkan sebagai pemimpin perlu mempunyai visi dan misi yang jelas di samping prihatin terhadap rakyat selain akhlak dan budi pekerti yang baik demi kesejahteraan semua pihak. 

17 taman seliaan jadi mangsa vandalisme

DBKL tanggung kos baik pulih RM700,000

AZLAN ZAMBRY

BUDAYA vandalisme yang berlaku hampir saban tahun di taman awam dan taman permainan di bawah pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengakibatkan kos membaikpulih yang tinggi sehingga mencecah RM700 ribu pada tahun 2023 melibatkan 17 lokasi taman awam di bawah seliaannya.

Bercakap mengenai perkara tersebut, Pengarah Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi (JPLR), **LAr Zulkifli Endut**, menyatakan kegiatan vandalisme dilakukan oleh individu tidak bertanggungjawab amat dikesali kerana ia telah mencacatkan fungsi taman di samping mengancam keselamatan pengunjung yang datang untuk beriadah.

“Terdapat lima penyebab utama yang telah dikenal pasti berlakunya vandalisma di Taman-Taman Awam seliaan DBKL iaitu kecurian kabel lampu taman, komponen dalam *feeder pillar* hilang dicuri, membakar alatan permainan, kecurian kabel dan merosakkan tiang lampu dan *lantern* lampu pecah disebabkan penagih dadah,” katanya kepada Wilayahku pada



ZULKIFLI



SEBATANG tiang lampu di Jalan Pria berdekatan Taman Maluri Cheras menjadi mangsa vandalisme.

Rabu. Jelas Zulkifli, pihak DBKL telah mempunyai peruntukan undang-undang yang boleh dikuatkuasakan bagi menangani masalah vandalisma yang menyebabkan kerugian kepada DBKL serta menyusahkan warga kota untuk beriadah.

“Antara peruntukan undang-undang yang ada adalah Undang-Undang Kecil Taman (Wilayah

Persekutuan Kuala Lumpur) 2012 [P.U.(A) 21], UUK 3 yang memperuntukkan kesalahan-kesalahan di bawah UUK Taman seperti di atas & penalti adalah tidak melebihi RM2,000 atau penjara maksimum satu tahun atau kedua-duanya dan di antara kesalahan-kesalahannya adalah merosakkan apa-apa benda/peralatan/pokok dan lain-lain yang ada dalam taman tersebut.

“Selain itu, DBKL turut mempunyai Undang-Undang Kecil Vandalisme (Wilayah Persekutuan


Kuala Lumpur) 1991 [P.U.(A) 51] UUK 3 yang memperuntukkan kesalahan-kesalahan di bawah UUK Vandalisme seperti di atas & penalti di bawah UUK 4 - tidak melebihi RM2,000 atau penjara maksimum satu tahun atau kedua-duanya dan ia dikhususkan berkenaan kesalahan membuat apa-apa yang boleh menyebabkan kerosakan kepada harta Datuk Bandar termasuk di tempat awam seperti taman-taman di bawah penjagaan atau kawalan Datuk Bandar Kuala Lumpur,” katanya.

Zulkifli berkata pihaknya tidak membuat unjuran kerugian kerana data vandalisme tidak direkodkan secara spesifik.

“Walau bagaimanapun, peruntukan bagi penyelenggaraan Kawasan lapang dan Taman Permainan Kanak-kanak bertambah 60 peratus dari tahun 2023 dan tahun-tahun sebelumnya kerana peningkatan kawasan rekreasi serta kos naiktaraf yang meningkat berdasarkan keperluan peruntukan tambahan pada tahun-tahun sebelumnya,” katanya.

Menurut Zulkifli, bagi menangani isu vandalisma di taman di bawah seliaannya, pihaknya akan mengambil tindakan dengan membina atau memasang kemudahan yang lebih tahan lasak selain meningkatkan pemantauan bagi mengelakkan kejadian tersebut berulang pada masa hadapan.

“Setakat ini, antara tindakan lanjut adalah memasang kemudahan tahan lasak seperti bangku serta tong sampah konkrit, siarkaki juga menggunakan konkrit dengan kemasan *broom finish*.”

“DBKL juga akan memasang pagar *barrier* untuk mengelakkan pencerobohan kenderaan serta penjajaan haram serta akan meningkatkan pencahayaan di kawasan rekreasi terutamanya taman-taman perumahan,” katanya. 

Penduduk lega dua laluan Jalan Sentul Pasar dibuka

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bertindak melaksanakan kerja-kerja penurapan jalan di laluan Jalan Sentul Pasar sebagai langkah menyelesaikan isu kesesakan lalu lintas yang berlanjutan di kawasan berkenaan.

Ahli Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur, **Andre Lai Chen Heng** berkata kerja-kerja penyelenggaraan di laluan itu tidak hanya memberi nafas lega malah mengurangkan keresahan serta kebimbangan yang selama ini dialami penduduk berdekatan termasuk pengguna jalan raya.

“Banyak aduan dan laporan yang diterima mengenai isu ini terutama dari aspek kerja naik taraf yang mengambil masa panjang serta laluan menjadi semakin sesak berikutan hanya satu laluan sahaja dibuka.

“Justeru itu, saya mengambil keputusan untuk turun padang meninjau sendiri projek berkenaan pada Selasa bersama Timbalan Pengarah Kanan Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran (JKAWS), Ir Mohd Ali Paimin dan didapati bahawa tanah di kawasan

itu semakin mendap akibat paip utiliti yang bocor serta menjadi takungan air bawah tanah.

“Kerja-kerja naik taraf ini bukan mudah untuk dilaksanakan, ia memakan masa yang lama kerana DBKL perlu mengorek tanah sedalam 12 meter bagi memastikan tiada kebocoran berlaku dan ia menyebabkan terpaksa membuka hanya satu laluan sahaja untuk digunakan sebelum ini,” katanya ketika dihubungi Wilayahku pada Rabu.

Susulan daripada masalah tersebut, Andre meminta DBKL untuk melaksanakan separuh kerja-kerja penurapan jalan dengan membuka dua laluan di kawasan berkenaan sementara ia masih dalam proses pelaksanaan sebelum akhir tahun ini.

“Laluan ini adalah jalan utama yang menghubungkan penduduk di Sentul dan Batu Muda menuju ke Maxim dan Jalan Ipoh, jadi ia memang tidak boleh ditutup sepenuhnya. Saya faham keluhan dan keresahan penduduk terutama di sekitar Apartment Sky Awani



DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) giat melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dan terpaksa menutup dua laluan yang menyebabkan kesulitan kepada pengguna.


dan yang berdekatan meminta projek ini disiapkan secepatnya memandangkan ia sudah berlanjutan sekian lamanya.

“Oleh itu, pada Isnin saya telah minta DBKL untuk menyiapkan mana-mana kawasan yang berpotensi disiapkan awal dan membuka dua laluan supaya memudahkan pergerakan lalu

lintas. Mereka juga telah membuat pemeriksaan dan mendapati tiada kebocoran berlaku di paip utiliti termasuk selepas kerja-kerja turapan dilaksanakan,” katanya.

Dalam pada itu, Andre berharap orang ramai khususnya penduduk berdekatan memberi ruang kepada DBKL untuk menyelesaikan kerja naik taraf

tersebut dan memastikan kerja-kerja berkenaan dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu Disember tahun ini.

“DBKL akan cuba mempercepatkan untuk membuka laluan penuh. Saya berharap agar pengguna jalan raya dapat bersabar demi kebaikan untuk jangka masa panjang,” katanya. 

Dimensi cabaran pekerjaan Gen-Z

MEMEGANG segulung ijazah dengan mengenakan jubah konvokesyen dipadankan dengan mortar board di atas kepala merupakan impian mahasiswa baik dari universiti awam mahupun swasta. Tapi tahukah para graduan terhadap cabaran yang sedang menanti mereka untuk melangkah masuk ke alam pekerjaan? Dimensi cabaran pekerjaan Gen-Z hari ini ternyata berbeza dengan generasi sebelumnya.

Landskap pekerjaan yang dinamik memberi tekanan kepada para graduan masa kini terutamanya isu gaji rendah di era teknologi moden dan kos sara hidup yang tinggi, keperluan kemahiran insaniah yang menjadi kayu ukur pekerjaan dan peluang pekerjaan yang rendah mengikut kelulusan dan kemahiran graduan dilihat antara cabaran pekerjaan yang membelenggu graduan masa kini.

Isu gaji rendah masih lagi kekal menjadi cabaran kepada graduan yang baharu dalam bidang pekerjaan lebih-lebih lagi dalam sektor swasta. Sebelum ini pernah dilaporkan oleh Tinjauan Ekonomi 2024, lebih 70 peratus daripada graduan yang bekerja memperoleh gaji di bawah RM2,000 sebulan. Perkara ini juga turut melibatkan graduan yang berkelulusan profesional seperti peguam, akauntan dan jurutera.

Isu ini perlu dipandang serius kerana peningkatan kos sara hidup lebih-lebih lagi di bandar menyebabkan pekerja terpaksa membelanjakan hampir keseluruhan gaji mereka untuk



GRADUAN kini lebih memilih pekerjaan dalam sektor gig. - Gambar hiasan

perbelanjaan asas dan tidak mampu untuk membuat simpanan di mana akan menjejaskan perlindungan keselamatan sosial mereka kelak.

Di peringkat kerajaan, terdapat beberapa akta (Akta Kerja 1955 [Akta 265], Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 [Akta 732] dan Akta Kesatuan Sekerja 1959 [Akta 262]) yang bertujuan mengawal selia penetapan dan pembayaran gaji kepada pekerja. Namun isu gaji rendah masih lagi dibelenggu oleh kebanyakan pekerja pada hari ini. Usaha berterusan kerajaan masih lagi diteruskan melalui Dasar Gaji Progresif yang dibentangkan akhir tahun lepas.

Melalui dasar ini, pihak kerajaan akan menyediakan insentif

berbentuk tunai yang akan dibayar mengikut kadar dan kumpulan pekerja. Dasar Gaji Progresif ini bertujuan meningkatkan gaji dan mencapai pengagihan pendapatan yang lebih seimbang. Usaha tersebut diharapkan dapat menyelesaikan masalah gaji yang rendah namun dasar yang bersifat sukarela ini hanya dapat direalisasikan dengan penyertaan dan sokongan yang padu dari majikan.

Selain isu gaji rendah, cabaran peluang pekerjaan yang tidak sepadan dengan ijazah dimiliki graduan dilihat sebagai cabaran utama mengapa para graduan kini lebih gemar memilih pekerjaan gig seperti pemandu p-hailing, e-hailing atau pekerjaan tidak

formal. Pekerjaan gig yang tidak memerlukan pencapaian akademik yang tinggi dan waktu kerja yang rigid seperti menggunakan sistem clock-in dan clock-out semestinya menarik minat graduan untuk mengungguli sektor ini.

Isu ketidaksepadanan pekerjaan dan kemahiran mempunyai kesan negatif bukan sahaja kepada individu yang tidak dapat menjana pendapatan tinggi setimpal dengan ijazah yang dimiliki bahkan menjadi penyumbang kepada kelembapan ekonomi dan kemajuan negara apabila negara kekurangan tenaga kerja mahir dan profesional. Faktor kekurangan pekerjaan dan ketidaksepadanan kemahiran justeru dilihat sebagai *push factor brain drain* keluar negara untuk mendapatkan pekerjaan dengan gaji yang lebih tinggi sepadan dengan kemahiran yang dimiliki.

Cabaran pekerjaan graduan masa kini juga diukur melalui penguasaan kemahiran insaniah. Kebanyakan industri pada hari ini tidak hanya menekankan penguasaan kemahiran teknikal semata bahkan memerlukan graduan menguasai kemahiran insaniah. Hal ini kerana kemahiran insaniah merupakan asas penting yang perlu dikuasai agar graduan lebih berdaya saing.

Komponen kemahiran insaniah merangkumi komunikasi, pemikiran kritikal, membuat keputusan, menyelesaikan masalah, kepimpinan, kerja berpasukan dan juga pengurusan masa. Sebagai contoh, penguasaan kemahiran pengurusan masa berupaya membantu individu dalam menyempurnakan kerja yang harus

diutamakan dan pada masa yang sama meningkatkan produktiviti kerja.

Oleh yang demikian, graduan harus bersiap siaga menguasai kemahiran insaniah semasa dalam tempoh pengajian agar dilihat sebagai seseorang yang berkemahiran tinggi. Secara praktikal, kebanyakan program pengajian mewajibkan pelajar menjalani latihan industri dalam tempoh pengajian kebiasaannya di tahun akhir bagi membolehkan mereka mengaplikasikan kemahiran insaniah selain dari kemahiran teknikal.

Dalam satu kajian yang dijalankan oleh pihak Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), hasil dapatan kajian menunjukkan salah satu faktor mengapa para graduan kurang mendapatkan pekerjaan yang dipohon adalah disebabkan kurang berkemahiran. Pembentukan kemahiran insaniah haruslah dimulai di peringkat awal sekolah dan berterusan di setiap peringkat pendidikan.

Selain itu, institusi pendidikan haruslah sentiasa bekerjasama dengan pihak industri dalam mengenal pasti keperluan kemahiran insaniah yang diperlukan oleh pekerja masa kini selain keperluan teknikal agar mahasiswa dapat diterapkan dengan kemahiran insaniah yang lebih berdaya saing.

PENULIS Dr Hanira Hanafi, Dr Maria Mohd Ismail dan Dr Siti Nur Edlyn Nadia Zuraiju merupakan Pensyarah Kanan, Universiti Malaya.

OCPD baharu Wangsa Maju



Bahang Raya masih terasa

DAERAH Wangsa Maju kini mempunyai Ketua Polis Daerah (OCPD) baharu. Selamat Datang kepada Asisten Komisioner Mohammad Lazim Ismail yang mengambil alih jawatan daripada Superintendan Ashari Abu Samah yang bertukar sebagai OCPD Alor Gajah, Melaka.

Terima kasih kepada Ashari yang telah berkhidmat dengan dedikasi bersama Kontinjen Kuala Lumpur sejak Mac 2021. Kawan-kawan Kedai Kopi doakan semoga beliau akan maju jaya berkhidmat di tempat baharu.

Tahniah juga kepada Mohammad Lazim yang sebelum ini Penolong Pengarah Perkhidmatan (Rekod Personel) Bahagian Perkhidmatan/Perjawatan, Jabatan Pengurusan Bukit Aman. Beliau mempunyai pengalaman luas dalam perkhidmatan.

Dengan pengalaman tersebut kawan-kawan Kedai Kopi percaya beliau mampu melaksanakan tugas dengan berkesan mengetahui pasukan polis di sebuah kawasan yang dihuni ramai penduduk. Ini mengambil kira kawasan Parlimen Wangsa Maju (P116) mempunyai kepadatan penduduk tertinggi berbanding kawasan parlimen lain di negara ini.

Kepadatan penduduk ialah 13,475 orang

bagi setiap kilometer per segi. Keluasan kawasan Wangsa Maju ialah 16 kilometer per segi. Jumlah penduduk dianggarkan dalam lingkungan 216,000 orang berdasar statistik 2020.

Nisbah jantina ialah (Lelaki/ Perempuan) 116:100. Komposisi kaum pula 61.7 peratus Bumiputera; 30.6 peratus Cina; 7.0 peratus India dan 0.8 peratus lain-lain.

Wangsa Maju ialah sebuah perbandaran utama yang terletak di utara timur Kuala Lumpur, dikelilingi oleh Setapak. Dengan kedudukan yang berhampiran ibu kota menjadikan Wangsa Maju bukan sahaja kawasan kediaman popular tetapi juga pusat pertumbuhan ekonomi yang pesat.

Dengan senario ini, tentu sahaja tugas sebagai OCPD akan berhadapan pelbagai cabaran serta memerlukan kerjasama padu dalam kalangan anggota bagi memastikan Ibu Pejabat Daerah Wangsa Maju beroperasi dengan berkesan.

Kawan-kawan Kedai Kopi berharap orang ramai, khususnya warga Wangsa Maju, akan memberi kerjasama sepenuhnya kepada Mohammad Lazim dan anggotanya selaku mata dan telinga agar polis dapat melaksanakan tugas dengan lancar dan berjaya demi kesejahteraan penduduk.

MASA pantas bergerak. Sudah sembilan hari Aidilfitri berlalu. Yang balik ke kampung halaman telah kembali ke kota atau mana juga destinasi tempat tinggal dan mencari rezeki. Setelah bergembira merayakan Hari Raya bersama keluarga, masa untuk kembali bekerja.

Namun keriangannya Aidilfitri belum pudar. Bahangnya masih terasa. Bagi ramai orang, Hari Raya diraikan sebulan, sepanjang bulan Syawal. Kerana itu dalam tempoh yang ada, pelbagai majlis atau perjumpaan diadakan sempena merayakan Aidilfitri.

Jika sebelum ini berhari raya di kampung halaman, kini masa berhari raya bersama jiran tetangga atau kawan-kawan serta teman sepejabat. Kerana itulah banyak diadakan majlis rumah terbuka, pejabat terbuka atau apa juga majlis yang menjurus kepada sambutan Hari Raya.

Tiada salahnya mengadakan majlis sedemikian untuk mengeratkan hubungan sesama jiran, rakan atau teman kerja. Dalam keriangannya, sangat penting hubungan silaturahim dipererat. Bukan sahaja dalam kalangan teman sebangsa dan seagama, tetapi juga bangsa lain yang turut merayakan.

Inilah tradisi masyarakat Malaysia yang sudah diamalkan sejak sekian

lama. Pelbagai kaum saling merayakan perayaan kaum tertentu. Sikap ini mampu memperkuatkan semangat perpaduan dan toleransi dalam kalangan masyarakat yang merupakan ciri penting untuk kesejahteraan negara.

Bagi para peniaga yang berniaga di bazar Ramadan dan bazar Aidilfitri atau dalam talian mungkin kini sibuk membuat kira-kira untung rugi perniagaan. Dilaporkan sebelum ini ramai peniaga, termasuk di ibu kota mengeluh kerana perniagaan kurang mendapat sambutan berbanding tahun sebelumnya.

Mungkin ini kerana ramai mengawal perbelanjaan dan lebih berjimat cermat. Jika ada keperluan baharu berbelanja. Jika pakaian raya tahun lepas masih elok, tidak perlu membeli yang baharu. Wang boleh dijinakkan untuk keperluan lain. Lagi pun berjimat dan tidak membazir adalah amalan yang wajar jadi pegangan.

Kawan-kawan Kedai Kopi berharap para peniaga bersyukur dengan apa yang mereka peroleh. Rezeki kita telah ditetapkan oleh Allah. Kita hanya berusaha dan berikhtiar. Untung rugi adat berniaga. Insya-Allah mudah-mudahan tahun hadapan akan beroleh keuntungan lebih baik.

P Ramlee di mata sasterawan



KU SEMAN KU HUSSAIN

*Hujan resah Jalan Ampas
bunga bunga langang terliuh lelah
langit pedih dan lara
dengan bercapal baju kurang
kain
rambut pancing di dahi
disorongnya buah dam antara
adegan-adegan patah
kita sangka begitu mudah ia
kalah dan dilupakan.*

DEMIKIANLAH kias resah yang lara Sasterawan Negara A. Samad Said dalam puisi Lagu Bunga II (1986) yang ditulis khusus bagi mengenang kepulauan seniman kebanggaan negara, P Ramlee. Puisi itu pertama kali dideklamasikan oleh Pak Samad sempena pelancaran Pustaka Peringatan P Ramlee di Taman P Ramlee, Kuala Lumpur pada 23 Mac 1986.

Kata Pak Samad lagi dalam Lagu Bunga II, 'Masih ramai tak terteka / apakah perginya jenaka yang tragis / atau tragedi yang jenaka atau / saling berbalah keduanya.'

Kemudian dilanjutkan dengan memujuk diri, 'Tapi Alhamdulillah ia bukan insan seni penyulap harta negara / ia bekalkan pusaka yang lebih berharga / bermaruah bagi bangsanya.'

Demikian cara sasterawan mengenang seorang teman yang bukan sahaja akrab tetapi masa yang sama memberikan sumbangan pemikiran yang besar kepada masyarakat dan negara. Di Pustaka Peringatan P Ramlee, teman-



PUSTAKA Peringatan P Ramlee satu ketika dahulu merupakan rumah miliknya. - Gambar hiasan

teman, sasterawan yang lama juga baharu mengenang dengan kata dan diksi.

Ternyata puisi bukan sebuah pamflet yang maksudnya terus terang selapis dan tiada kehalusan yang boleh kekal lama di ingatan. Puisi mengangkat segala kekaguman dan rasa kehilangan yang berlapis-lapis mengikut tahap kefahaman khalayak.

Pustaka itu dulunya sebuah rumah milik P Ramlee yang dihuni bersama keluarga hingga akhirnya. Kemudian pada tahun 1986 dibaik pulih dan dinaik taraf sebagai sebuah pustaka peringatan yang mempamerkan barang peribadi, trofi, alat muzik dan segala yang berkaitan dengan seniman besar itu.

Pada malam yang hujannya renyai dan dingin sejak selepas senja itu bergema suara sasterawan yang silih berganti mendeklamasikan puisi. Selain Pak Samad, beberapa sasterawan termasuk Sasterawan Negara Usman Awang, Dr Firdaus Abdullah, Pyanhabib dan Zahari Hasib turut mendeklamasikan puisi.

Malam itu Taman Derdap yang kemudiannya dinamakan Taman P Ramlee itu menjadi tumpuan ramai. Sepi yang tetingkap dalam puisi-puisi bagai membuka dimensi baharu apresiasi sasterawan kepada seniman filem.

Apa lagi muzik instrumental lagu Di Manakan Ku Cari Ganti berkumandang sayup-sayup melatari deklamasi puisi, terasa ada kehilangan sebelum keberangkatannya yang abadi. P Ramlee seperti terbuang semasa di Kuala Lumpur.

Malam itu ada juga puisi yang ditulis oleh penyair muda yang tidak mengenali P Ramlee dari dekat. Tetapi daripada penghayatan terhadap karya-karya yang diulang tayang di televisyen, mereka ada tanggapan yang tersendiri terhadap seniman itu.

Sebelum itu yang banyak memperkatakan tentang P Ramlee adalah kalangan rakan artis, kenalan dan wartawan. Tetapi melihat P Ramlee dari siratan bahasa atau metafora yang

penuh kias ialah suatu yang lebih mempesona.

Usman Awang menurunkan rasa kehilangan dalam puisi yang ditulis beberapa hari selepas pemergian P Ramlee 29 Mei 1973. Puisi Arca Abadi yang disiarkan dalam majalah Dewan Sastera keluaran Jun 1973 itu menyingkap pilu seorang sasterawan menerima berita duka perginya seorang rakan seniman.

'Kini tanah Ampang laksana pelabuhan / sepi kerana kapal telah bertolak / alun sendu bergelombang di teluk hati yang kasih / dan nanti riaknya bakal mengecil jua di samudera waktu.' (Usman Awang - Arca Abadi)

Puisi P Ramlee Dalam Ingatan karya Dr Firdaus Abdullah pula menyingkap, 'Dengan penuh kelucuan dan pelbagai telatah / diejeknya ragam-ragam hidup dengan segala kontradiksi / lalu semua tersenyum dan tertawa / tetapi tidak ramai yang menyedari / dia mengajar kita mentertawakan diri sendiri.'

Penyair Pyanhabib yang sudah dikenali ramai ketika itu mendeklamasikan puisi Getus (Elegi buat P Ramlee). Tulis Pyanhabib, 'Telah terkumpul kembali / setiap cebisan surat-surat cinta / yang tercicir di balik pintu / yang terhakis di anak tangga / untuk nanti diadun lagi / setiap irama dan lagu / pada buku telah bernama.'

Semasa menulis puisi ini tahun 1984, Pyanhabib adalah wartawan majalah Mastika yang mengenali P Ramlee di kaca televisyen.

Dalam usia awal 20-an waktu itu, Pyanhabib juga adalah pelakon filem Kembara Seniman Jalan (1986) arahan Nasir Jani.

Penyair keturunan Siam, Suwanlerd Pro Poul semacam kecewa apabila P Ramlee melalui musim-musim suram, seperti tidak dipedulikan sejak berpindah dari Singapura ke Kuala Lumpur hingga akhir hayatnya. Suwanlerd melukiskan kesuraman dan kelesuan daripada kemilau Jalan Ampas dengan nada yang cukup tragis.

Tulis Swanlerd, 'Setibanya aku / bunga-bunga harum telah layu / daun-daun rimbun telah gugur / musim usia berganti pantas / seperti segala telah ditetapkan begitu.'

'Di sini / di hadapan segala kian mencabar / gerak laku suara merdumu / terus mendayu / maafkanlah / andainya tiba saat itu / lagu merdumu tak dapat kumainkan lagi / potret kakumu dipenuhi debu.'

Penyair Zahari Hasib dalam puisi Jika Kau Masih Ingat mengembalikan nostalgia manis 16 Julai 1972 di Dewan Tunku Canselor Universiti Malaya. Ketika itu Zahari menjadi pegawai keselamatan Universiti Malaya.

Tulis Zahari, 'Jika kau masih ingat / maka akulah / yang telah mengambil bangku / untuk kau duduk pada malam itu / malam Baktisiswa 16 Julai 72.'

Zahari mengakhiri puisinya dengan, 'P Ramlee / sebaik sahaja berita itu / kuterima dari Utusan Melayu / maka akulah peminat / yang paling banyak menyimpan sedih dan dukacita.'

Acara deklamasi puisi di Pustaka Peringatan P Ramlee malam itu sebenarnya membawa suatu yang menarik - wujud hubungan akrab antara karyawan filem dengan sasterawan. Hal itu penting supaya filem yang dihasilkan tidak terlepas daripada rasa yang insani.

Ketika era kegemilangan filem Melayu, hubungan timbal balik antara karyawan filem dan sasterawan adalah sangat baik. Malah banyak filem Melayu dibangunkan dengan kekuatan sastera oleh karyawan yang jinak dengan karya-karya kesusasteraan.

Bagaimanapun hal yang seperti itu agak kurang berlaku dalam kalangan karyawan filem masa kini. Malah terdapat segelintir karyawan filem langsung tidak mendekati karya kesusasteraan dan acara-acara sastera. Padahal filem boleh menjadi lebih kukuh sekiranya ada pasak sastera yang terbina dalamnya.

RAGAM KOTA

#minor

SATU HARI DIHARI RAYA



SATU HARI SELEPAS RAYA



Sebarang maklumat berhubung **Editorial Wilayahku**, sila hubungi alamat tertera: **Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.**
Te: 03-8861 5260 | E-mail: editorialwilayahku@gmail.com



Bil 258 . 19 - 25 APRIL 2024

JAGA-JAGA BADAN NAIK

lepas rayya

►► 10-11



Malaysia negara kedua paling tinggi obes

HAZIRAH HALIM

DALAM kehairan berhari raya dan mengunjungi rumah terbuka, ramai yang rambang mata melihat juadah enak sehingga alpa seketika rutin diet yang dilakukan sebelum ini.

Namun, perlu diingat makanlah secara berpeda-pada, jangan jadikan Aidilfitri sebagai tiket untuk balas dendam makan berlebihan daripada biasa. Bukan apa, ditakuti banyak pula penyakit yang menyerang nanti, jaga-jaga badan boleh naik lepas raya paling ditakuti jika sampai ke tahap obesiti.

Penyakit yang tidak berjangkit (NCD) ini merupakan salah satu daripada cabaran kesihatan awam terbesar di Malaysia. Tanpa sedar, baru-baru ini menerusi dapatan kajian terkini oleh The World Factbook-Central Intelligence Agency dari 2016 hingga 2024, negara Malaysia telahpun merekodkan negara kedua paling tinggi obes atau berat badan berlebihan di Asia Tenggara dengan kadar peratusan 19.7%.

Rekod ini juga turut menyaksikan peratusan kadar obesiti dalam kalangan penduduk Asia Tenggara meliputi 10 negara lain iaitu Brunei (28.2%) di mana ia merekodkan negara tertinggi obes selain Singapura (11.6%), Thailand (11.6%), Filipina (9.3%), Indonesia (6.9%), Myanmar (5.8%), Laos (5.6%), Cambodia (3.8%), Vietnam (1.7%) dan Timor-Leste (1.1%).

Berdasarkan rekod tersebut, peratusan berkenaan mentakrifkan masyarakat di negara tersebut mempunyai ukuran kasar Indeks Jisim Badan (BMI) melebihi 30 kilogram (kg).

Menjelaskan lebih lanjut mengenai penyakit obesiti, Residen Doktor di Klinik Hello Doktor Bukit Jelutong, **Dr Alia Zafira Zaferi** berkata obesiti kini menjadi salah satu penyumbang utama kepada masalah kesihatan dalam kalangan masyarakat dunia termasuklah di Malaysia.

"Ramai rakyat Malaysia tidak menganggap obesiti atau kegemukan yang disebabkan terdapatnya lemak berlebihan sebagai penyakit meskipun Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengklasifikasikannya sebagai penyakit kronik dan epidemik.

"Daripada luaran, obesiti ini kebiasaannya dilihat sebagai masalah kegemukan atau terlebih berat badan tetapi ia lebih jelas dimaksudkan dengan keadaan tubuh badan seseorang yang mempunyai lemak berlebihan atau tidak normal," ujarnya.

Tambah beliau, seseorang itu boleh diklasifikasikan sebagai pesakit obesiti apabila merekodkan kadar nilai Indeks Jisim Badan (BMI) melebihi 30.

"Jika BMI kurang daripada 20, ia dianggap tidak cukup berat manakala 20 hingga 25 adalah



dianggap ideal. Namun, jika BMI seseorang itu di antara 25 hingga 30 dalam kategori terlebih berat, 30 ke atas itu telahpun dianggap obes dan 40 ke atas diistilahkan *morbid obesity* atau obesiti yang amat bahaya.

"Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan seseorang itu boleh menghadapi obesiti iaitu pertama adalah disebabkan faktor umur. Semakin meningkat umur seseorang itu, semakin menurunlah kadar metabolisma dalam

badan.

"Kedua, adalah disebabkan faktor genetik atau keturunan. Ketiga pula adalah gaya hidup atau *lifestyle* seseorang itu juga memainkan peranan di mana kalau makanan tidak jaga, kurang bersenam, seseorang itu mungkin cenderung untuk mendapatkan obesiti.

"Seterusnya, faktor psikologi juga menjadi penyumbang kepada punca obesiti di mana jika seseorang itu mengalami tekanan perasaan disebabkan tekanan tempat kerja, putus cinta dan sebagainya, risiko untuk mendapatkan obesiti itu lebih mudah namun ada juga orang obes disebabkan penyakit seperti tumor di bahagian otak kerana makan berlebihan," katanya.

Daripada faktor tersebut, Dr Alia memberitahu masalah kesihatan obesiti ini memberi kesan kepada golongan lelaki

dan perempuan dalam kalangan dewasa mahupun kanak-kanak namun golongan wanita adalah lebih cenderung untuk menerima

penyakit obesiti ini.

"Semua orang tidak kira tua atau muda memang ada potensi untuk kena obesiti. Ini juga boleh


dibuktikan menerusi laporan WHO pada tahun 2016, lebih daripada 1.9 bilion individu yang berumur 18 tahun ke atas di seluruh dunia diklasifikasikan sebagai individu berlebihan berat badan.

"Daripada jumlah ini, 11% ialah kaum lelaki manakala 15% daripada kaum wanita. Walau bagaimanapun, di dunia, kadar obesiti dalam kalangan kanak-kanak adalah lebih tinggi kerana ia boleh dilihat melalui aspek pemakanan yang sangat tidak bagus," katanya.

Jika individu itu dikategorikan sebagai obes, ia cenderung untuk mendapat pelbagai komplikasi dalam badan sekali gus memberi risiko terhadap kesihatan mereka. Risiko paling utama adalah penyakit jantung kerana mereka yang obes biasanya mempunyai tekanan darah yang lebih tinggi.

"Risiko penyakit ini paling membimbangkan kerana ia boleh menyebabkan kematian disebabkan tahap kolesterol yang tinggi dalam salur darah mereka.

"Selain itu, pesakit obes juga lebih mudah terkena penyakit strok dan diabetes di mana mereka perlu menggunakan insulin untuk mengawal paras gula darah selain mereka juga berisiko untuk dijangkiti kanser seperti kanser uterus, serviks, ovari, payudara dan lain-lain," jelasnya.

Untuk rekod, Dr Alia berkata negara pernah mencatatkan kematian disebabkan obesiti dan punca utama adalah penyakit jantung. 



DR ALIA



OBESITI

- Obesiti atau kegemukan adalah satu penyakit kronik yang membawa kepada keadaan seseorang itu mempunyai lemak berlebihan dan boleh berlaku kepada golongan lelaki mahupun wanita.
- Kategori Obes bagi lelaki adalah 25% manakala perempuan pula adalah apabila mempunyai lemak berlebihan sebanyak 35%.
- Obesiti boleh diukur menggunakan pengiraan Body Mass Index atau BMI (Indeks Jisim Badan).

KESAN OBESITI

DEWASA

- Diabetes Mellitus
- Penyakit Hepotobiliary (fatty liver dan batu humpedu)
- Dyslipidaemia (Kolestrol tinggi)
- Metabolic Syndrome
- Sleep Apnoea
- Penyakit Jantung Koronari
- Cerebrovascular disease
- Kegagalan jantung
- Tekanan Darah Tinggi (hypertension)
- Osteoarthritis
- Gout

KANAK-KANAK

- Kolesterol tinggi
- Penyakit jantung awal
- Tekanan darah tinggi
- Metabolic Syndrome
- Diabetes/kencing manis
- Masalah tulang
- Kondisi kulit (ruam panas, jangkitan kulat, jerawat)

Sumber: KKM

LANGKAH PENCEGAHAN TERBAIK MENGELAKKAN OBESITI:

(Sumber: portal MyHealth)

- 1 Pilih makanan kurang kandungan gula dan lemak
- 2 Makan dalam kuantiti yang kecil
- 3 Kurangkan masa penggunaan gajet
- 4 Minum air secukupnya (sekurangnya 8 gelas sehari)
- 5 Makan apabila lapar dan berhenti sebelum kenyang
- 6 Elak ambil makanan yang berat sebelum tidur dan lewat malam
- 7 Pantau berat badan (sekali seminggu)
- 8 Lakukan senaman secara tetap dan berkala

LANGKAH MENANGANI OBESITI (KANAK-KANAK)

(Sumber: NutritionistKKM)

- 1 Elakkan snek yang tidak sihat (mengandungi lemak, gula, garam)
- 2 Tingkatkan aktiviti fizikal dan sukan riadah
- 3 Berikan susu ibu kepada bayi baru lahir sehingga berumur 6 bulan
- 4 Ambil sekurang-kurangnya 3 sajian sayur dan 2 sajian buah setiap hari
- 5 Makan ikut keperluan dan saiz sajian yang betul
- 6 Hadkan minuman ringan dan manis
- 7 Kurangkan kekerapan makan di luar

CARTA NEGARA MENCATATKAN OBESITI (2016-2024):

| | | |
|----|-------------|-------|
| 1 | Brunei | 28.2% |
| 2 | Malaysia | 19.7% |
| 3 | Singapura | 11.6% |
| 4 | Thailand | 11.6% |
| 5 | Filipina | 9.3% |
| 6 | Indonesia | 6.9% |
| 7 | Myanmar | 5.8% |
| 8 | Laos | 5.6% |
| 9 | Cambodia | 3.8% |
| 10 | Vietnam | 1.7% |
| 11 | Timor-Leste | 1.1% |

Makan berpada-pada ketika Aidilfitri

BUKAN sahaja pada bulan Syawal tetapi setiap orang perlu menitikberatkan penjagaan makanan setiap hari agar terhindar daripada masalah kegemukan sekali gus komplikasi pelbagai penyakit.

Bekas penghidap obesiti, **Nurul Izzah Mohd Zalani**, 24, berkata setiap kali tibanya lebaran, dia teruja menikmati apa sahaja hidangan memandangkan hanya setahun sekali meraikannya.

“Kalau dulu saya tak kisah bab makan kerana saya sendiri menghidap obesiti sejak berumur dua tahun sehingga remaja. Ketika itu, berat saya pernah mencecah 114 kilogram (kg).

“Kemudian saya nekad untuk turunkan berat badan setelah menghidap darah tinggi selain tidak tahan dicemooh oleh seorang pakcik yang menghina saya tidak cantik.

“Bukan hanya nak nampak lawa tetapi ketika obesiti, saya mudah mendapat penyakit selain hormon period juga tidak menentu. Perasaan saya ketika itu memang *down* namun saya kuatkan diri berdepan dengan situasi tersebut,” ujarnya.

Pada tahun 2020 ketika berusia



20 tahun, dia mengamalkan diet secara kalori defisit setiap hari selain melakukan senaman sehingga berat terkininya turun kepada 76 kilogram.

“Saya serik hidup dengan masalah obesiti, kini setiap kali tibanya Syawal atau hari biasa, saya amalkan konsep suku-suku separuh dengan mengurangkan pengambilan karbohidrat, lemak dan manis dalam makanan serta minuman.

“Bukanlah saya tak makan ketupat, rendang dan sebagainya tetapi berpada-pada, lebihkan minum air putih kerana ia boleh mengurangkan kalori serta mencernakan kembali pengambilan gula dalam badan.

“Nasihat saya terutama kepada yang sedang mengamalkan diet, lakukan senaman seperti berjalan kaki atau joging terutama selepas seharian menikmati hidangan Hari Raya,” katanya.

Berkongsi kisah sama, **Ahmad Ridwan Lukman Hekiem**, 27, berkata dia nekad menurunkan berat badan kerana sering dipinggirkan oleh rakan ketika berada di sekolah menengah.

“Dahulu berat saya pernah mencecah 95 kg dengan ketinggian 157 cm, saya rasa malu selain badan tidak produktif ditambah lagi ramai yang hina saya. Walaupun begitu, saya jadikan ia suntikan semangat untuk turunkan berat badan.

“Dalam masa setahun, saya dapat kurangkan 30 kg iaitu daripada 95 kg kepada 65 kg sekarang. Nasihat saya, lakukan diet kerana untuk kesihatan bukannya untuk mendapat pujian orang,” ujarnya.



Teknik imbangi berat badan ideal

BERSENAM merupakan kaedah penting yang boleh dilakukan untuk menstabilkan kembali kadar metabolisma, menurunkan berat badan serta kembali aktif dan cergas seperti biasa.

Jurulatih kecergasan Move Private Fitness Studio, **Affiah Zahra Has Tuah**, berkata senaman merupakan antara kaedah yang boleh membantu mengimbangi semula pengambilan kalori yang berlebihan dalam badan.

“Menjelang Ramadan, mungkin seseorang itu berjaya mengawal cara pemakanan iaitu ketika bersahur dan berbuka dengan mengurangkan kekerapan makan daripada tiga kali sehari ke dua kali sehari.

“Tetapi apabila Aidilfitri menjelma corak pengambilan makanan sudah berubah dengan mengambil air



AFIFAH

manis, makan kuih-muih dan juadah raya secara berlebihan, ia sama sekali boleh mendorong pertambahan kalori serta berat badan.

“Justeru itu, aktiviti fizikal seperti senaman kardiovaskular dapat membantu membakar kalori berlebihan dan mencegah penambahan berat badan.

“Ia juga boleh meningkatkan kesejahteraan mental dan fizikal di mana bersenam selepas makan makanan berat dapat membantu mengurangkan tekanan dan keletihan yang mungkin dirasakan selepas makan berlebihan itu.

“Selain itu, ia juga boleh membantu proses pencernaan dengan merangsang peredaran darah dan membantu pemecahan makanan sekali gus meningkatkan tahap

tenaga serta emosi seseorang secara keseluruhan,” katanya.

Tambahnya *brisk walk* adalah antara senaman yang paling mudah untuk semua peringkat usia dan digalakkan untuk melakukannya sebanyak dua kali seminggu.

“Seseorang itu boleh mengalami penurunan tahap kesihatan fizikal secara mendadak jika mengabaikan kepentingan penjagaan kesihatan diri atau senaman.

“Ia termasuk penurunan kekuatan, ketahanan dan keanjalan otot serta peningkatan risiko terhadap penyakit kronik seperti tekanan darah tinggi, sakit jantung dan kencing manis.

“Dalam masa yang sama, pengabaian terhadap senaman atau riadah ini juga boleh memberi kesan terhadap masalah kesihatan mental seseorang seperti tekanan, kebimbangan dan kemurungan,” jelasnya.

RAYA KENA

ANGKAT KISAH PEMUDA

AMIN FARIJ HASAN

KEINDAHAN Kampung Sungai Leman Sekinchan, Selangor menjadi lokasi pilihan penggambaran drama pendek iklan raya berjudul Raya Kena Gaya hasil garapan Nor Syiella Annuar.

Dipersembahkan oleh Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (MCMC), drama berdurasi 9 minit 46 saat yang diarahkan oleh Shahril Fahazmi Musa menampilkan pelakon hebat antaranya Datuk Afdlin Shauki, Beto Kusyairi, Ako Mustapha dan Mustaqim Bahadon.

Ia mengisahkan seorang anak muda bernama Azam (Beto Kusyairi) berasal dari Kampung Sungai Leman yang berjaya mengubah hidup daripada pemuda kampung menjadi usahawan baju Melayu dalam talian yang sukses.

Kejayannya bermula selepas dia menyertai program dan pembelajaran di Pusat Ekonomi Digital (PEDI) yang kini dikenali sebagai Pusat Sebaran Maklumat Nasional (Nadi) yang merupakan di mana segala kemudahannya disediakan dan diselia oleh MCMC.

Azam menjadi inspirasi kepada penduduk kampung lain seperti bapanya (Ako Mustapha) dan Yeop Lemang (Datuk Afdlin Shauki). Dalam masa yang sama, dia turut dikagumi bekas rakan sekolahnya, Shah (Mustaqim Bahadon) yang suatu ketika dahulu sering membuli dan memperlekehkannya.

Bagi mengetahui kisah lanjut Raya Kena Gaya, jom imbas kod QR yang tertera. Selamat menonton! 📺



GAYA KAMPUNG



Lokasi luar biasa OOTD Raya di Putrajaya

DIANA AMIR

MEMASUKI minggu kedua Syawal, semestinya akan dimanfaatkan sepenuhnya dengan aktiviti menziarahi sanak saudara mahupun kenalan di sekitar ibu kota serta menghadiri jamuan rumah terbuka.

Alang-alang sudah melaram mengenakan busana indah, apa kata abadikan kenangan di lokasi-lokasi *Instagrammable* untuk aktiviti OOTD anda.

Putrajaya merupakan antara lokasi pilihan buat mereka yang gemar berOOTD memandangkan destinasi pelancongan ini sarat dengan pelbagai lokasi menarik dari kawasan pantai, landskap bandar, elemen kehijauan dan sebagainya.

Mari kita lihat empat lokasi yang disenaraikan, mana tahu, ada yang sesuai dengan tema baju raya anda tahun ini!

ASTAKA MOROCCO

BAGI mereka yang pernah melancong ke Maghribi, pasti sukar hendak melupakan keindahan seni bina bangunannya yang kreatif. Untuk mengubat kerinduan tersebut, anda boleh mengunjungi Astaka Morocco yang terletak di Taman Botani Putrajaya.

Seni bina replika Astaka Morocco itu serupa yang terdapat di Marrakesh dan dibina atas pertukaran budaya antara Malaysia dan Maghribi.

Susunan mozek corak geometri yang berwarna-warni dan ukiran ayat al-Quran dan nama Allah melatari seni bina di sini memukau pandangan selain kreativiti seni bermotifkan tumbuh-tumbuhan.

Difahamkan pembinaannya mengambil masa dua tahun. Menariknya semua bahan binaan termasuk simen dan kapur khas,

marmar atau jubin didatangkan khas dari Maghribi.

Bergambar di perkarangan luar adalah percuma, namun untuk memasukinya akan dikenakan bayaran sebanyak RM3. Dibuka setiap hari kecuali Isnin bermula 7 pagi hingga 7 malam.

Alamat: Persiaran Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Presint 1, 62000 Putrajaya.

TAMAN WARISAN PERTANIAN

BERBEZA dengan taman yang lain, lokasi ini dibina bagi memelihara warisan dan pertanian di Malaysia. Sesuai dengan namanya sebagai taman warisan, ia bercirikan tradisional Melayu.

Koleksi tumbuhan seperti sireh,



Taman Warisan Pertanian

pokok susun kelapa dan pokok limau yang diletakkan berhampiran laluan tangga ke Kompleks Pelawat merupakan simbolik mengalu-alukan kehadiran pengunjung. Tumbuhan tersebut sinonim dengan tiga kaum di Malaysia iaitu Melayu, India dan Cina.

Plot getah yang terdapat di dalam dusun di taman berkeluasan sembilan ekar ini merupakan kawasan asal ladang getah Estet Prang Besar iaitu tapak awal sebelum pembangunan Putrajaya. Ladang getah ini mengandungi plot getah asal serta tanaman semula yang mengandungi 1,500 pokok getah dewasa daripada 71 klon seperti RRM600 dan PB260.

Merupakan satu-satunya lokasi yang mempunyai sawah padi di Putrajaya pastinya ia menjadi port terbaik untuk bergambar berlatarbelakangkan suasana di kampung selain kawasan pokok lada hitam dan pelantar pemandangan.

Orang ramai yang ingin datang bergambar bayaran masuk yang dikenakan adalah sebanyak RM5 (MyKad) untuk dewasa manakala RM10 (non-MyKad). Bagi kanak-kanak pula bayaran yang dikenakan adalah RM2 (MyKad) dan RM4 (non-MyKad).

Alamat: No 7, Jalan P16, Presint 16, 62000 Putrajaya.

TAMAN WETLAND

TAMAN Wetland pastinya tidak lagi asing buat warga Putrajaya mahupun sekitar. Terletak di Presint 13, taman awam seluas 3.35 km persegi ini dibangunkan dengan tujuan mengekalkan kehijauan serta sebagai *green lung* pembangunan Putrajaya.

Dibuka pada Selasa hingga Ahad bermula pukul 7 pagi sehingga 7 malam, Taman Wetland menyediakan pelbagai kemudahan yang menjadi tarikan pengunjung seperti Flamingo Pond, Menara Pandang, Glamping Taman

Wetland dan yang terbaru Wetland Studios Putrajaya dahulunya dikenali sebagai Pusat Penghayatan Alam (NIC).

Ia bukan sahaja destinasi rekreasi, tetapi juga menjadi pusat pendidikan alam dan telah menjadi lokasi acara bagi pelbagai program berteraskan pembelajaran dan pendedahan kepada alam sekitar.

Alamat: Presint 1, 62000 Putrajaya.

TAMAN SAUJANA HIJAU

BAGI penggemar OOTD destinasi ini wajib untuk anda kunjungi. Taman ini pasti tidak akan mengecewakan kerana pemandangannya yang cukup indah.

Taman Saujana Hijau Putrajaya adalah salah satu taman gaya Eropah yang menjadi tarikan penduduk setempat serta pelancong daripada luar dan dihiasi dengan tumbuh-tumbuhan pine, bunga matahari serta ladang rumput seakan-akan di negara Eropah.

Jadi bolehlah anda acah-acah seperti sedang bercuti di negara Eropah apabila berkunjung ke taman rekreasi yang satu ini! Tambahkan pula *sunset* di sini juga cantik.

Berkeluasan 47 hektar, ia dibuka setiap hari bermula pukul 7 pagi sehingga 7 malam dan kemasukan percuma. 📍

Alamat: Jalan P11, Presint 11, 62000 Putrajaya.

Taman Saujana Hijau





ISU

BESAR

Bakal Tiba.....



Bermula dari kiosk kini miliki restoran

HAZIRAH HALIM

HANYA bermodalkan RM500, siapa sangka **Nurul Amirah Zailan**, 34, yang dulunya hanya berniaga di kiosk kecil mampu membuka sebuah restoran popular yang dikenali sebagai TGSK Kuala Lumpur (KL) yang terletak di Bukit Antarabangsa.

Namun, di sebalik kejayaan itu, dia dan suami perlu berdepan situasi getir apabila perlu bertahan dengan modal yang kecil selama beberapa tahun tanpa bantuan mana-mana pihak mahupun pinjaman daripada pihak bank.

Tidak hanya itu, dia juga perlu berdepan dengan situasi pertukaran tempat niaga berikutan lokasi sebelum ini terpaksa dirobokkan untuk pembangunan.

"TGSK KL yang kini beroperasi di Bukit Antarabangsa merupakan lokasi ketiga. Kami terpaksa mencari tempat lain kerana ketika itu kami diberi notis perobohan lokasi berkenaan.

"Waktu itu memang susah nak dapat tempat tapi mujurlah kami mendapat bantuan daripada seorang lelaki," katanya.

Berkongsi keistimewaan TGSK KL, Nurul Amirah berkata restoran berkonsepkan santai ini turut menampilkan masakan dari negeri



AMIRAH

Johor dan Terengganu seperti lontong darat, nasi dagang dan sebagainya.


"Kesemua juadah adalah menu utama yang sentiasa menjadi rebutan terutama tempe goreng yang merupakan produk pertama dikeluarkan restoran ini.

"Menampilkan 16 sajian makanan, saya tertarik untuk mengetengahkan hidangan kampung berikutan agak sukar mendapatkannya di Kuala Lumpur selain ingin pelanggan mengimbau kenangan ketika berada di kampung.

"Susah hendak dapat makanan sebegini di tengah bandar lebih-lagi ubi kayu rebus di mana ia merupakan juadah kegemaran orang kampung.



"Boleh dikatakan 90 peratus adalah resipi saya sendiri namun kita juga mengalu-alukan idea daripada pengunjung untuk mencadangkan menu-menu tambahan lain yang boleh kita komersialkan di sini," katanya. Seiring masa berlalu, TGSK KL mendapat tempat di hati pelanggan sekali gus sambutan yang diterima amat menggalakkan sehingga mereka sanggup beratur panjang semata-mata ingin menikmati kelazatan hidangan Melayu yang ditampilkan.

"Ini juga menjadi sebahagian daripada cabaran yang perlu ditempuhi kerana kasihan melihat pelanggan. Jadi, sebelum itu, kami akan jelaskan kepada mereka tentang had kapasiti di TGSK KL selain meminta untuk sabar menunggu meja kosong," katanya. 



Stoking corak batik potensi jadi cenderamata

TAMPIL dengan idea berbeza, usahawan muda **Ahmad Afiz Danial Mohd Khairuddin** memperkenalkan stoking bercorak atau *art socks* yang bertemakan batik dan elemen tempatan diberi nama Talesocks.

Anak muda kelahiran Negeri Sembilan itu berhasrat menjadikan stoking bertemakan batik sebagai cenderamata kenangan yang boleh dibeli oleh mereka yang berkunjung ke negara ini sama ada atas tiket melancong atau perniagaan.

Berkongsi cerita, Ahmad Afiz Danial berkata dia nekad meninggalkan kerjaya sebagai ahli pelaburan di syarikat yang menguruskan dana persaraan selepas melihat perniagaan stoking berpotensi untuk dikembangkan di negara ini.

"Balik dari belajar di luar negara, saya mula bekerja dan saya kerap kali ditanya pelanggan dan rakan sekerja berkenaan stoking yang saya pakai. Mereka tertarik dengan

stoking saya yang bercorak serta bertanyakan di mana saya membelinya.

"Saya terfikir, ramai orang tanya tapi di Malaysia tak banyak pilihan stoking bercorak kerana kebanyakannya tanpa corak dan untuk sukan.

"Sepanjang minat saya mengumpul stoking bercorak, saya tak jumpa lagi stoking yang bercorak elemen Malaysia seperti batik, manggis dan wau. Jadi, saya nampak itu peluang untuk kita mempamerkan apa yang ada di Malaysia kepada orang luar," katanya.

Bermodalkan RM25,000 daripada simpanan peribadi, Ahmad Afiz Danial berkata dia dibantu ahli keluarganya memulakan perniagaan menjual stoking bercorak secara dalam talian pada 2019, sebelum dikembangkan kepada kiosk fizikal di sebuah hotel di Kuala Lumpur.

Menurutnya sehingga kini



AHMAD AFIZ DANIAL menunjukkan rekaan unik stoking yang dihasilkan.

sebanyak 15 corak telah dipasarkan dalam kuantiti yang terhad dan mendapat sambutan hangat terutama daripada ekspatriat dan pelancong asing yang membelinya

untuk dihadiahkan kepada keluarga dan kenalan mereka apabila pulang ke negara masing-masing.

Menggunakan fabrik *combed cotton*, Ahmad Afiz Danial berkata

stoking yang dijual pada harga RM49 sepasang itu, dibuat di kilang di China dan Malaysia bagi memenuhi permintaan.

"Dari segi keselesaan, Talesocks ni menggunakan *combed cotton* yang menjadikan stoking ini lebih tahan lasak, bila dipakai corak dan warna stoking kekal dan tak mudah lusuah apabila dibasuh.

"Selain keselesaan kami juga mementingkan ciri-ciri eksklusif iaitu setiap keluaran adalah terhad dan kalau habis satu keluaran stoking itu, kami keluarkan rekaan lain pula," katanya.

Berjaya menembusi pasaran Singapura, dia bercadang mengeluarkan stoking yang bersesuaian untuk beriadah dan membuka peluang kepada mereka yang berminat untuk menjadi ejen Talesocks.

"Kami juga ada perancangan untuk mengeksport produk ini ke Brunei, Indonesia dan Timur Tengah," katanya. - **BERNAMA**

t.me/wilayahku


IMBAS KOD QR



SERTAI SALURAN TELEGRAM


UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!




PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mempengerusikan Mesyuarat Majlis Pelaburan Negara Bilangan 3 Tahun 2024 yang diadakan pada Selasa.

SEMINGGU



TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof menghadiri Rumah Terbuka Tupong yang diadakan di Hikmah Exchange Event Centre (HEEC), Sarawak baru-baru ini.



MENTERI Pendidikan, Fadhliha Sidek menerima kunjungan pasukan editorial majalah Pelita Bahasa kelolaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) bagi sesi wawancara eksklusif bagi terbitan DBP edisi Mei 2024.



MENTERI Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu menghadiri Mesyuarat Skim Kawalan Subsidi (SKD) 2.0 bersama Kementerian Kewangan, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup juga Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) di Wisma Tani, Putrajaya yang diadakan secara dalam talian.



MENTERI Belia dan Sukan, Hannah Yeoh mempengerusikan sesi libat urus bersama penganjur-penganjur konsert di Malaysia yang diadakan pada Isnin.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Naim Mokhtar menyantuni anak-anak Chow Kit sempena Aidilfitri di perkarangan kawasan Menara Raja Laut, Kuala Lumpur dan turut menyampaikan duit raya sumbangan daripada Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM).

Skim Biasiswa Pengajian Tinggi YWP bantu 30 penuntut IPTA terpilih

HAZIRAH HALIM

SERAMAI 30 pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) terpilih menerima Skim Biasiswa Pengajian Tinggi daripada Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) bagi tahun 2024.

Jabatan Komunikasi Strategik dan IT YWP dalam satu kenyataan berkata skim biasiswa dengan nilai terkumpul sebanyak RM182,941 tersebut meliputi yuran pengajian, kos sara hidup, penginapan dan tuisyen.

Menurut kenyataan itu, YWP percaya hanya dengan pendidikan, ia mampu mengubah nasib seseorang dan tajaan ini diyakini akan menjadi motivasi dan perangsang kepada pelajar-pelajar untuk terus berjaya di samping memberi sumbangan besar kepada pembangunan masyarakat dan negara di masa hadapan.

Sementara itu, salah seorang pelajar jurusan Ekonomi Kewangan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Logadurgashini A/P

Gopalakrishna, 23, tekad untuk terus memperoleh keputusan cemerlang pada setiap semester.

“Sejak kematian bapa ketika berumur 9 tahun, segala kos pengajian saya termasuk adik-beradik ditanggung oleh emak tetapi itupun tidak cukup memandangkan dia hanya bekerja sebagai pengasuh sahaja.

“Jadi, dengan biasiswa mampu meringankan kos perbelanjaan harian termasuk kelengkapan barang keperluan lain,” katanya selepas sesi penyampaian oleh Setiausaha Politik kepada Menteri Wilayah Persekutuan, Nurin Aina di Masjid Muadz Bin Jabal, Setiawangsa baru-baru ini.

Turut hadir Pengarah Eksekutif Pembangunan Sosioekonomi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Ismadi Sakirin; Penolong Pengurus Besar Khidmat Pelanggan dan Ejen Pusat Pungutan Zakat (PPZ), Khalid Mohamed dan Pengarah Tabung Haji Wilayah Persekutuan, Mohd Ezham Leman serta Pengarah Eksekutif

YWP, Abdul Rahman Siraj.

Bagi pelajar jurusan Psikologi dan Pembangunan Sumber Manusia Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Muaz Iryad Mohd Farid, 22, inisiatif YWP tersebut memberi peluang kepada pelajar yang kurang berkemampuan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat universiti.

“Faktor kewangan merupakan salah satu masalah utama dalam kalangan pelajar terutama mereka yang kurang berkemampuan, jadi dengan adanya skim tersebut dapat membuka laluan pelajar melanjutkan pengajian.

“Alhamdulillah, selangkah demi selangkah, insya-Allah saya akan terus berusaha memperoleh keputusan cemerlang dan menggapai cita-cita untuk menjadi seorang pegawai askar,” katanya.

Mana-mana individu atau syarikat korporat dialu-alukan menyalurkan sumbangan ke Tabung Kebajikan dan Pelajaran YWP (CIMB Bank 8001103675) atas nama Yayasan Wilayah Persekutuan serta catatkan kod Sumbangan Tabung YWP. 📞



DBKL anjur pertandingan hias pulut kuning

WARGA kota dijemput memeriahkan Program Teh Hijau Kuala Lumpur anjuran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada Sabtu ini. Menurut DBKL, acara yang diadakan sepanjang tahun 2024 itu akan kembali menemui warga kota di perkarangan Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur bermula pukul 10 pagi hingga 8 malam.

Pelbagai aktiviti akan diadakan dan antara yang menarik pertandingan solekan raya dan menghias pulut kuning bertemakan Hari Raya.

“Penyertaan adalah percuma dan terbuka kepada semua

warganegara Malaysia.

“Hadiah untuk dimenangi berupa wang tunai bernilai RM200 bagi tempat pertama, RM170 (tempat kedua), RM140 (tempat ketiga) dan RM60 untuk saguhati,” katanya.

Sebarang penyertaan atau pertanyaan lanjut boleh menghubungi talian **012-696 2054** (Cik Nana) secara WhatsApp atau layari laman Facebook rasmi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Justeru itu, DBKL menjemput orang ramai bersama-sama memberi sokongan agar ia dapat dilaksanakan dengan jayanya. 📞



SEBAHAGIAN pelajar IPTA yang menerima bantuan Skim Biasiswa Pengajian Tinggi YWP.

Madeni unggul Pertandingan Mencipta Logo MSWP

MADENI Minwari diumumkan sebagai pemenang utama Pertandingan Mencipta Logo Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) dengan membawa pulang RM3,000 dan cenderahati.

Dengan menggunakan simbol perisai sebagai elemen utama, lakaran tiga gelung ciptaan Madeni, 53, yang mewakili ketiga-tiga Wilayah Persekutuan telah berjaya mencuri tumpuan Jawatankuasa Pemilihan MSWP untuk diangkat sebagai pemenang pertandingan itu.

Pemenang tempat kedua, Mohammad Aminuddin Mohamad Idris membawa pulang RM2,000 beserta cenderahati sementara

Fazrulnizam Kamarazaman memenangi RM1,000 beserta cenderahati.

Pengarah MSWP, Nik Ahmad Zahiruddin Nik Saleh menyampaikan hadiah kepada para pemenang yang berlangsung dalam majlis penyampaian yang diadakan di WiPers Performance Center, baru-baru ini.

“Ramai individu yang kreatif menghantar penyertaan pada pertandingan kali ini tetapi Jawatankuasa Pemilihan menyenarai pendek 38 penyertaan sahaja yang dirasakan menunjukkan idea yang menarik.

“Kita akan mengubah suai idea daripada para pemenang untuk

logo baharu MSWP yang akan dilancarkan tidak lama lagi dan bakal digunakan sepenuhnya pada Sukan Malaysia (SUKMA) XXI Sarawak pada Ogos ini,” katanya.

Pengarah MSWP itu berkata Pertandingan Mencipta Logo MSWP itu diadakan sebagai satu daripada usaha penjenamaan semula logo MSWP yang sebelum ini telah mula digunakan sejak tahun 2012.

Pertandingan Mencipta Logo MSWP diadakan pada 4 Januari 2024 hingga 21 Januari 2024 dengan menerima sebanyak 105 penyertaan telah diterima daripada orang ramai secara dalam talian. 📞



NIK AHMAD (tengah) bersama para pemenang Pertandingan Mencipta Logo MSWP.

Iman perisai hadapi cabaran zaman

GENERASI kita hari ini hidup dalam era baru teknologi. Generasi Z, yang dilahirkan pada tahun 1996 dan seterusnya manakala generasi Alfa dilahirkan pada tahun 2011- 2026. Gen Z membesar di tengah-tengah berkembangnya teknologi, manakala Alfa ialah generasi pertama yang dilahirkan pada abad ke-21, di mana mereka akan menjadi demografi yang paling banyak menggunakan teknologi setakat ini.

Bagi generasi muda, media sosial adalah segalanya. Pendidikan mereka akan lebih digital, visual dan kurang hitam putihnya. Tambahan pula, dengan cabaran automasi, mereka perlu membangunkan kemahiran yang lebih mendalam untuk berjaya dalam pasaran kerja yang telah berubah.

Persoalannya, selain kemahiran, apakah lagi aspek yang perlu dipertingkatkan oleh generasi kita? Kajian menunjukkan bahawa cabaran yang dihadapi oleh Gen Z adalah dalam membangunkan akhlak yang teguh. Hal ini kerana, dalam dunia teknologi canggih hari ini, kebebasan bersuara,

kebebasan *expression* dan kerancuan budaya membawa kepada potensi

kehilangan nilai tradisi, adab dan etika sosial.

Menurut Syed Naquib al-Attas, pendidikan seharusnya melahirkan manusia beradab. Masyarakat yang berilmu terlihat dengan adab yang baik. Sekiranya bangunan tinggi melangit, teknologi terlihat di pelbagai lapangan, namun sekiranya adab bukanlah elemen yang mendasar, kita risau ia ibarat *boomerang* yang akan menikam kita semula.

Pelik sekali sekiranya kita menekankan keupayaan fizikal dan kemahiran luaran, tetapi jiwa mereka rapuh di dalam. Sedangkan, dunia semakin mencabar, mereka harus dibekalkan dengan nilai ampuh, cekal dan tekak. Pintar sahaja tentu tidak cukup. Jati diri harus tertanam kuat di dalam diri. Hiburan yang pelbagai hari ini, sedikit sebanyak merosak generasi kita. Suka atau tidak, kita harus menerima hakikat ini. Salah memilih hiburan akan menjatuhkan mereka ke lingkungan yang lebih buruk.

Kita tidak mahu generasi kita tidak lagi pandai bergaul sesama manusia. Kita juga tidak mahu mereka bergaul dengan adab yang sangat lemah. Kita pasti tidak mahu mereka terpengaruh dengan segala menu beracun yang dihidangkan di media sosial. Kerana, apa yang mereka lihat sehari-hari di media sosial, akan mempengaruhi fikiran bawah sadar mereka.

Mereka yang kurang didikan agama akan menyangka bahawa itulah realiti dan harus dijelmakan menjadi realiti. Walhal, dunia realiti sesungguhnya tidak serupa dengan dunia maya.

Oleh itu, penting untuk kita sebagai pendidik, orang tua dan ibu bapa, menanam iman serta membimbing mereka akhlak, adab dan etika yang benar. Kita harus menunjukkan mereka akhlak yang baik. Mereka perlu ada masyarakat yang mendampingi mereka dan wujud budaya saling menasihati. Maka, perlu ada inisiatif penerapan iman dan pendidikan akhlak secara khusus bagi mendidik generasi baru bagi menyeimbangkan antara fizikal, intelektual, emosi dan spiritual.

Allah SWT berfirman dalam Surah al-Qasas, ayat 77 (yang bermaksud): *“Dan carilah (pahala) negeri akhirat dengan apa yang telah dianugerahkan Allah kepadamu, tetapi janganlah kamu lupakan bahagianmu di dunia dan berbuat baiklah (kepada orang lain) sebagaimana Allah telah berbuat baik kepadamu, dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi. Sungguh, Allah tidak menyukai orang yang berbuat kerosakan.”*

Di dalam ayat ini Allah SWT memerintahkan kita sebagai manusia untuk mencari kebaikan di negeri akhirat pertamanya, sementara kebaikan di dunia tidak dilupakan. Allah memerintahkan kita menjadi orang beriman yang profesional. Maka, iman itu harus seimbang dengan profesion kita. Pendidikan iman dan akhlak perlu dititik berat bagi melahirkan keseimbangan ini. Mengejar salah satu akan menjadikan ketidakseimbangan dan kesan buruknya akan terlihat di mana-mana.

Oleh itu, sekiranya kurang penerapan iman dan kurangnya pendidikan akhlak, kita hanya akan melahirkan manusia robot. Harus diingat, Generasi Z dan Alfa juga adalah manusia. Mereka mempunyai jiwa di mana elemen spiritual perlu diseimbangkan. Ketidakseimbangan elemen ini

akan membuatkan aspek spiritual mereka rapuh. Apabila hubungan dengan Sang Pencipta tidak dititikberatkan, ia akan terperamer kesannya dalam hubungan sesama manusia serta hubungan mereka dengan alam.

Mari kita telusuri contoh pemuda Kahfi, di mana mereka tetap beriman walaupun kemungkaran dan keingkaran berada di mana-mana. Jati diri dan keimanan yang kuat menjadi perisai buat mereka menghadapi cabaran akidah di zaman mereka.

Firman Allah SWT yang bermaksud: *“Kami kisahkan kepadamu (Muhammad) cerita ini dengan benar. Sesungguhnya mereka adalah pemuda-pemuda yang beriman kepada Tuhan mereka, dan Kami tambah pula untuk mereka petunjuk”* (Surah al-Kahfi: 13).

Maka, pentingnya pembinaan iman dalam usaha pembangunan belia hari ini. Nilai iman dan akhlak akan menjadikan generasi kita kaya jiwanya. Sebagaimana diriwayatkan dari Abu Hurairah radhiyallahu ia berkata, Rasulullah SAW bersabda (yang bermaksud): *Kekayaan bukanlah dengan banyaknya harta, tetapi kekayaan (yang sebenarnya adalah) kekayaan jiwa”* (HR Ahmad dan Tirmidzi).

Apabila kita turut menekankan aspek keimanan dan akhlak, iman menjadi perisai mereka dalam menghadapi cabaran zaman. Jati diri mereka akan kuat dan tidak mudah luntur dek warna jahiliah yang terang benderang. Oleh itu, sesuaiilah Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) negara kita yang menyeimbangkan jasmani, intelektual, rohani dan emosi.

PENULIS Dr Atifah Ahmad Yusoff merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.



| | | |
|--|--|--|
| <p>PENGIKLANAN AKHBAR</p> <p>MUKA PENUH 26 cm x 32 cm</p> <p>SEPARUH MUKA 26 cm x 16 cm</p> | <p>PENGIKLANAN DIGITAL</p> <p>Home page Under headline Size: W: 7 x H: 90-200 pixel</p> <p>Page: Berita Iklan 1 Size: W: 250 x H: 250 pixel</p> <p>Page: Berita Iklan 2 Size: W: 360 x H: 250 pixel</p> <p>Page: Berita Antara 2 perenggan berita size: W: 250 x H: 250 pixel</p> | <p>IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA</p> <p>WILAYAHKU</p> <p>50,000 naskhah akhbar WILAYAHKU diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 500 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.</p> <p>BERMINAT Untuk khidmatan rundingan pengiklanan sila hubungi: 03-8861 5260</p> <p>Alamat: YWP MEDIA SDN BHD (1304797-X) Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya</p> |
|--|--|--|



PUNCAK bukit yang menghadap lautan merupakan lokasi yang menarik untuk dijadikan kawasan pelancongan baharu.

Bukit Tanjung Kubong perlu dimajukan

Produk pelancongan baharu

KHAIRUL IDIN

JAWATANKUASA Pembangunan Dan Keselamatan Kampung (JPKK) Lubuk Temiang mencadangkan supaya kawasan Bukit Tanjung Kubong seluas 3.4 ekar yang terletak berhampiran Muzium Chimney dimajukan sebagai pusat pelancongan baharu seka

Pengerusi JPKK Kampung Lubuk Temiang, **Mohd Alif Akhbar** berkata, cadangan itu disuarakan selepas melihat potensi kawasan berkenaan yang mempunyai keindahan landskap alam semula jadi dan kaya dengan pelbagai sejarah zaman pemerintahan British.

Katanya, kawasan Bukit Tanjung Kubong memiliki daya tarikan tersendiri dan terdapat beberapa peninggalan seperti gedung ubat Perang Dunia ke 2 dan Geotapak Chimney Trail Tanjung Kubong yang menjadi lokasi pengembara aktiviti mendaki (*hiking*).

"Cadangan ini telah kami bawa kepada Perbadanan Labuan untuk dikemuka kepada perhatian Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dan telah maklum balas yang amat baik.

"Kawasan ini harus dimajukan agar khazanah semula jadi yang ada dapat dimanfaatkan khususnya untuk memperbanyakkan lokasi dan produk pelancongan seperti yang dinyatakan Menteri Wilayah Persekutuan yang mahu industri pelancongan di pulau ini dipertingkatkan," katanya ketika ditemui, baru-baru ini.

Beliau yang juga merupakan Ketua Kampung Lubuk Temiang memaklumkan cadangan itu disuarakan ekoran daya tarikan kampung itu yang suram berbanding kampung lain.

"Buat masa sekarang,

tempat ini hanya dikunjungi pelancong dari luar dan bilangannya agak sedikit kerana mereka

melawat Muzium Chimney sahaja dan kami sedang usahakan supaya tempat ini dapat dihidupkan dan menjadi sebagai satu pusat pelancongan yang terkenal," katanya.

Sementara itu, Pegawai Kanan Tourism Malaysia Labuan, **Sharon Kenny** berkata pihaknya menyambut baik dengan cadangan

itu namun ia perlu mendapatkan komitmen yang sepenuhnya daripada pelbagai pihak.

"Bagi saya cadangan ini bagus untuk memajukan tempat itu dan kawasan ini telah pun menjadi tumpuan masyarakat di sini untuk melakukan pelbagai aktiviti seperti mendaki.

"Jika cadangan ini berjaya diangkat dan terlaksana, semua pihak yang terlibat perlu memberikan komitmen agar ia berjaya dan kita tidak mahu sebarang pembangunan infrastruktur menjadi gajah putih sekaligus mencatatkan pemandangan," katanya.

Penggemar aktiviti *hiking*, **Lo Pei Ling**, 45, menyifatkan laluan sepanjang Bukit Tanjung Kubong mencabar dan menjanjikan keindahan alam flora dan fauna selain menarik pencinta alam semula jadi.

"Sepanjang perjalanan menuju ke puncak ia menyajikan pemandangan yang indah dengan kehidupan semula jadi dan kita akan dapat menyaksikan pemandangan matahari terbenam.

"Saya amat bersetuju kerana jika ia nyata telah diwartakan sudah pasti pelbagai kemudahan fasiliti awam akan dibangunkan dan perkara itu amat baik kepada semua," katanya.



MOHD ALIF



SHARON KENNY



LO PEI LING



MOHD HAMIZI

Kes dadah di Labuan meningkat 25 peratus

POLIS Diraja Malaysia (PDRM) Labuan mencatat peningkatan 25 peratus kes jenayah melibatkan dadah bermula Januari hingga April 2024 berbanding tempoh sama tahun lalu.

Ketua Polis Daerah Labuan, Superintendan **Mohd Hamizi Halim** berkata pihaknya berjaya menumpaskan kegiatan itu dengan penangkapan 155 individu atas pelbagai kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan merampas dadah serta aset dengan nilai keseluruhan lebih RM71,000.

Daripada jumlah tersebut katanya, empat suspek disiasat di

bawah Seksyen 39B yang membawa hukuman mati atau penjara seumur hidup dan sebatan kerana mengedar dadah.

"Manakala, 11 individu telah ditahan di bawah Seksyen 39A(1) sebagai kes pembekal yang memperuntukkan dua hingga lima tahun penjara dan hukuman sebatan jika disabitkan kesalahan," katanya.

Mengulas lanjut, Mohd Hamizi memaklumkan statistik jenayah indeks mencatatkan penurunan iaitu sebanyak 16.7 peratus.

Katanya, bagi tempoh sama pihaknya menerima sebanyak 3,873 laporan membabitkan sebanyak

92 kes jenayah harta benda dan jenayah kekerasan.

"Antara penyumbang utama kepada penurunan kes jenayah indeks adalah hasil daripada pelbagai operasi yang dilaksanakan dengan memberikan tumpuan kepada kes-kes jenayah curi, pecah rumah dan mendatangkan kecederaan.

"Penurunan ini juga didorong oleh kejayaan tangkapan kurang dari tempoh 24 jam dan operasi pencegahan jenayah yang berterusan oleh pasukan," katanya.

Tambahnya, kadar pertuduhan bagi kes jenayah indeks di pulau ini telah mencatatkan peningkatan 66.9 peratus berbanding 35.2 peratus pada tempoh yang sama tahun lepas.

LISC 2024 tawar hadiah RM278,390

PENGANJURAN Labuan International Sea Challenge (LISC) 2024 bakal bermula 23 hingga 28 April ini menawarkan hadiah keseluruhan berjumlah RM278,390 kepada para peserta.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan (PL), **Rithuan Mohd Ismail** berkata pihaknya menjangkakan penganjuran program tahunan itu bakal menarik kehadiran lebih 30,000 pengunjung.

"LISC2024 yang dijadual berlangsung selama enam hari akan mempertandingkan 17 acara akan dipertandingkan termasuklah Cabaran Memancing Laut Dalam (DAIWA Deep Sea Challenge) dan Cabaran Kayak Mengelilingi Pulau yang menawarkan hadiah sebanyak RM126,300.

"Venue utama penganjuran LISC 2024 itu pula akan diadakan di Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan dilihat mampu menarik pengunjung luar khususnya penggemar aktiviti sukan laut dan pantai," katanya.

Rithuan berkata, menerusi penganjuran tersebut, pihaknya akan memperkenalkan tiga acara baharu iaitu Coastal Ninja Warrior, Regatta LISC, dan Glamping LISC.

"Penambahan acara baharu ini bertujuan memperkenalkan kekayaan alam semula jadi dan keindahan pantai di sini sambil mempamerkan aktiviti air kepada pengunjung dan peserta luar," katanya.

Beliau turut berharap agensi kerajaan, swasta, pengusaha hotel, agen pelancongan dan premis perniagaan memberikan komitmen menjayakan LISC 2024.

"Kita harap para peniaga dan hotel tidak menaikkan harga kepada pengunjung luar dan warga tempatan kerana kita mahu rancakkan semula ekonomi dan sektor pelancongan tempatan," katanya.

Penganjuran LISC 2024 yang memasuki edisi ke-26 itu turut menyediakan aktiviti berkuda di pesisir pantai dan perasmian penutup oleh h Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa.



RITHUAN



49 tren dipasang pelekat khas

Koc merah jambu laluan Putrajaya dibuka

SABRINA SABRE

KOC wanita bagi Transit Aliran Massa (MRT) laluan Putrajaya mula dibuka sejak Isnin lalu bagi memberi keselesaan kepada penumpang wanita.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Rapid Rail Sdn Bhd, **Amir Hamdan**, pelaksanaan inisiatif berkenaan adalah bagi menyediakan perjalanan yang lebih selesa dan selamat bagi penumpang wanita yang merangkumi 60 peratus daripada jumlah pengguna rel.

“Selain itu, ia adalah kesinambungan daripada projek perintis koc wanita di MRT laluan Kajang yang dilaksanakan pada 18 September tahun lepas.

“Sebanyak 36 stesen dan 49 tren di MRT laluan Putrajaya telah dipasang dengan pelekat khas berwarna merah jambu bagi memudahkan pengguna mengenal pasti koc wanita yang terletak di bahagian tengah setiap tren.

“Sejak diperkenalkan, inisiatif koc wanita telah mendapat sambutan baik daripada pengguna dan data yang dicerap menunjukkan bilangan aduan berkaitan kes gangguan seksual di MRT laluan Kajang telah menurun daripada purata 3.2 kes kepada dua kes sebulan,” ujar beliau.

Dalam masa sama, Amir berkata kira-kira 300 hingga 400 penumpang boleh dimuatkan pada dua koc wanita laluan MRT



SEBANYAK 36 stesen dan 49 tren di MRT laluan Putrajaya dipasang pelekat khas berwarna merah jambu bagi memudahkan pengguna mengenal pasti koc wanita.

Putrajaya bagi setiap perjalanan.

“Polis bantuan juga turut ditugaskan bagi membuat pemantauan secara berkala di dalam tren dan stesen untuk memastikan etika penggunaan koc

wanita dipatuhi semua pengguna rel,” ujarnya.

Terdahulu, Amir bersama pengurusan Rapid Rail menghiburkan hampir 100 penumpang Transit Aliran Ringan

(LRT) laluan Kelana Jaya bermula dari stesen Datuk Keramat ke KL Sentral dengan mengadakan nyanyian Muzikal Raya bagi membangkitkan suasana Aidilfitri yang disambut oleh umat Islam

pada Rabu.

Sembilan buah lagu raya didendangkan yang diketuai kumpulan Alun Tradisi antaranya Balik Kampung, Selamat Hari Raya dan Bila Takbir Bergema.



PENGUNAAN bas Nadiputra dan kenderaan elektrik merupakan salah satu inisiatif IKH 2024.

Tingkat amalan rendah karbon

PIHAK Perbadanan Putrajaya (PPj) akan membuka permohonan Insentif Kediaman Hijau Putrajaya 2024 (IKH Putrajaya 2024) bermula hari ini hingga 5 Mei 2024.

Menurut PPj, IKH Putrajaya 2024 dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan lagi amalan rendah karbon dalam kalangan penduduk Putrajaya khususnya penjaminan tenaga elektrik dan air, pengurangan sisa pepejal, penggunaan bas Nadiputra dan

kenderaan elektrik atau hibrid.

Penyertaan adalah percuma dan terbuka kepada pemilik rumah persendirian di Putrajaya sahaja.

Dalam masa sama, pemohon mestilah tiada tunggakan cukai taksiran serta mempunyai akaun Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Air Selangor sekurang-kurangnya dua tahun (24 bulan) serta akaun e-bil TNB dan Air Selangor.

Sehubungan itu, orang ramai dijemput untuk memohon insentif

ini sekiranya memenuhi kelayakan seperti yang dinyatakan.

Borang permohonan dan kriteria penilaian boleh dimuat turun di laman sesawang https://ppj.my/_IKH2024.

Untuk maklumat lanjut, anda boleh hubungi di talian **03-8887 7004 / 019-250 7425** atau e-mel di ahmad.helmi@ppj.gov.my / muhammad.fahri@ppj.gov.my atau layari laman Facebook Bandar Hijau Putrajaya.

Burung merbuk berlagu

PENCINTA burung seluruh Malaysia dijemput hadir bagi memeriahkan Pertandingan Seni Suara Burung Merbuk & Tekukur Putrajaya yang akan diadakan di Padang Semarak, Taman Wetland Putrajaya pada 21 April ini.

Menurut Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud**, penganjuran acara tersebut bertujuan sebagai platform bagi mengumpul semua penggemar burung merbuk di dalam dan luar negara.

“Setelah berjaya menganjurkan pertandingan di peringkat kebangsaan dan ASEAN pada penganjuran sebelum ini, pihak PPj berhasrat untuk meneruskan lagi acara tersebut pada tahun ini.

“Penganjuran Gurindam Merbuk Putrajaya bagi tahun 2024 pada kali ini menarik lebih ramai lagi penyertaan dan pengunjung yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan peringkat golongan sasar dari dalam dan luar negara.

“Padang Semarak di Taman Wetland dijadikan lokasi Taman Burung Merbuk sekali gus sebagai tapak bagi Pertandingan Seni Suara Merbuk yang merupakan acara bulanan di Putrajaya,” ujarnya.

Di samping itu, beliau berkata pertandingan yang

bermula pada pukul 8.30 pagi itu dilaksanakan untuk memberi peluang khususnya kepada warga Putrajaya dan kawasan sekitarnya untuk mendapatkan pendedahan dan pengetahuan berhubung dengan teknik dan kaedah terbaik penjagaan burung merbuk selain membudayakan seni suara merbuk yang menjadi salah satu tradisi warisan negara ini.

“Penganjuran Gurindam Merbuk Putrajaya pada kali ini menjangkakan lebih banyak penyertaan pengunjung tempatan serta luar negara ke Wilayah Persekutuan Putrajaya.

“Keunikan dan kelunakan melodi suara merbuk ini mempunyai daya tarikan serta peminatnya yang tersendiri. Penganjuran program tersebut merupakan kerjasama pihak PPj bersama Jabatan Landskap & Taman serta rakan strategik iaitu Persatuan Seni Suara Merbuk Dan Tekukur Malaysia,” ujarnya.

Lebih menarik, terdapat aktiviti-aktiviti jualan produk untuk burung seperti sangkar serta makanan burung selain orang ramai juga turut berpeluang untuk mendapatkan khidmat nasihat dan berkongsi pengetahuan berkaitan aspek penjagaan burung merbuk sepanjang acara berlangsung.

Sedia ke Olimpik Paris 2024

Nur Aisyah idam peralatan basikal baharu

SABRINA SABRE

PELUMBA berbasikal lebuhraya negara, **Nur Aisyah Mohamad Zubir** berharap dia diberikan kelengkapan dan peralatan baharu bagi menghadapi saingan di Sukan Olimpik Paris 2024 pada Julai depan.

Pelumba kelahiran Terengganu itu berkata peralatan *groupset* (gear dan brek) serta bahagian tayar memainkan peranan penting dalam meningkatkan prestasi pada perlumbaan yang turut disertai pelumba wanita terkemuka dunia.

Pelumba berbasikal lebuhraya wanita pertama negara beraksi di pentas Olimpik itu ketika ini menggunakan kelengkapan yang dianggap sudah ketinggalan berbanding peralatan lebih canggih digunakan pencabar lain pada temasya berprestij itu nanti.

"Kita pun tahu macam mana nak lawan pelumba terbaik dunia, mereka sudah pasti pakai kelengkapan terbaik. Kalau kita pakai bawah daripada mereka, ia menyukarkan kami untuk lawan. Peralatan pun memainkan peranan dalam 30 peratus.

"Saya harap dapat kelengkapan baharu sebelum bertolak ke Belgium pada Mei ini untuk kem latihan terakhir yang turut mempunyai beberapa kejohanan peringkat Eropah kerana perlu menyesuaikan diri dengan peralatan berkenaan," ujarnya.

Menurut pelumba berusia 26 tahun itu, hasrat tersebut telah disampaikan kepada Ketua Kontinjen (CDM) Malaysia ke



NUR AISYAH dipilih mewakili Malaysia pada Sukan Olimpik Paris 2024 berdasarkan prestasi semasa.

Sukan Olimpik Paris 2024 iaitu Datuk Hamidin Mohd Amin dan mendapat jawapan yang positif.

Mengenai latihan menjelang temasya lima tahun sekali itu, Nur Aisyah berkata pada masa ini tumpuan diberikan untuk meningkatkan daya ketahanan

dan kekuatan sebelum menyertai sebarang kejohanan.

"Perlumbaan Jelajah Biwase Vietnam pada Mac lalu menjadi pengukur prestasi sebelum ke kejohanan lain kerana laluan di Paris hampir 160 kilometer dan sangat mencabar.

"Saya perlu melakukan latihan agak keras untuk memberikan yang terbaik kerana Olimpik ibarat peluang sekali seumur hidup," ujarnya.

Terdahulu, Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (PKBM) pada November lepas

Pencapaian Nur Aisyah

2023 - Sukan SEA - Tempat ketiga

2023 - Sukan Asia - Tempat ke-11

2022 - Sukan SEA - Tempat ketiga

mengumumkan Nur Aisyah sebagai wakil negara ke Paris selepas mendapat maklumat daripada Kesatuan Berbasikal Dunia (UCI) bahawa Malaysia mendapat satu slot sebagai wakil Asia dalam acara lebuhraya wanita berdasarkan ranking.

Atlet muda itu pernah meraih dua perak menerusi acara lepas beramai-ramai individu dan berpasukan serta satu gangsa acara kriterium di Sukan SEA Hanoi 2021 serta dua gangsa bagi acara lepas beramai-ramai individu dan kriterium pada Sukan SEA Kemboja, Mei lepas.

Di Sukan Asia Hangzhou, China, Nur Aisyah menamatkan saingan di tempat ke-11 acara lepas beramai-ramai selain konsisten dalam kedudukan 10 teratas bagi Jelajah Biwase Vietnam 2023 serta Jelajah Thailand 2022 dan 2023 selain enam emas di Sukan Malaysia (SUKMA) Perak 2018. 🏆

SUKMA 2024: ADAMAS harap sifar doping

AGENSI Anti-Doping Malaysia (ADAMAS) menaruh harapan tinggi agar penganjuran Sukan Malaysia (SUKMA) 2024 yang bakal diadakan di Sarawak pada Ogos ini bebas daripada pencemaran kes doping atau penyalahgunaan bahan terlarang.

Menurut Pengarah ADAMAS, **Azura Abidin**, pihaknya telah menggesa agar kesemua negeri bertanding hadir secara telus dan bersih dalam temasya dwitahunan itu.

"Kami akan menjalankan ujian secara rawak terhadap sukan berpotensi tinggi dengan tumpuan pastinya terarah kepada atlet angkat berat yang sering terkait dengan isu berkenaan.

"Memang hasrat kami untuk melihat sifar doping SUKMA kali ini. Sarawak memang berhasrat menjadi penganjur paling berjaya jadi kami menggalakkan semua negeri datang dan bertanding secara bersih.

"Mesyuarat dalam jawatankuasa khas teknikal baru-baru ini setuju ADAMAS buat saringan khas atlet angkat berat sama macam di Kuala Lumpur (2022). Kita tidak boleh umum bila buat tapi pastinya sebelum SUKMA," ujar beliau.

Dalam masa sama, Azura turut



ISU doping kembali menghantui sukan angkat berat negara selepas lima atlet didapati positif menggunakan bahan terlarang pada SUKMA XX MSN 2022.

menjangkakan kira-kira 20 hingga 30 pegawai terlatih dikerahkan untuk mengawal selia kelancaran temasya itu.

Saingan SUKMA Kuala Lumpur 2022 menjadi tumpuan hebat buat arena sukan negara apabila lima atlet angkat berat terjerat isu doping dengan tiga daripadanya menggunakan bahan terlarang

iaitu *metandienone*, *tebutaline* dan *oxymetholone*.

Dua pemenang pingat acara angkat berat pada SUKMA 2022 pula disahkan positif bahan terlarang jenis *anabolic androgenic steroid*.

SUKMA 2024 dijadualkan berlangsung di Sarawak pada 17 hingga 24 Ogos ini. 🏆

Tiket Masters Malaysia 2024 mula dijual

PEMINAT badminton boleh membeli tiket secara dalam talian pada 8 April 2024 untuk menyaksikan Kejohanan Masters Malaysia 2024 yang akan diadakan di Arena Axiata di Bukit Jalil dari 21 hingga 26 Mei ini.

Persatuan Badminton Malaysia (BAM) menggalakkan peminat membeli tiket mereka dengan memanfaatkan kempen tawaran awal (*early bird*) dari 8 hingga 22 April untuk mendapatkan tempat duduk mereka pada kadar diskaun.

Dalam masa sama, BAM juga telah memperkenalkan kategori Platinum untuk tiket harian dan bermusim dengan menggantikan kategori Superfan.

Perubahan tersebut bertujuan meningkatkan akses untuk peminat dengan kategori Platinum kini tersedia dengan tawaran awal.

Pembelian tiket dan maklumat lanjut boleh diperolehi dengan melayari www.ticket2u.com.my. 🏆



Letak batas elak curang

DEEL ANJER

SEJAK akhir-akhir ini kecoh isu orang ketiga yang menjadi punca keretakan dan kepincangan dalam perkahwinan. Mahu atau tidak, hakikat yang perlu diterima ia merupakan realiti dalam masyarakat dan boleh berlaku kepada mana-mana pasangan.

Mengulas tentang hal tersebut, penyanyi **Ernie Zakri** berkata mereka yang sudah berkahwin seharusnya bijak menjaga pergaulan dengan orang luar bagi mengelak perkara tersebut berlaku.

“Sejujurnya saya pun tak tahu apa yang bakal saya lakukan jika berdepan perkara-perkara sebegini tapi insya-Allah, moga ia dijauhkan.

“Kita sebagai isteri orang perlu tunjukkan status tersebut supaya orang tahu. Selain itu, letakkan batasan dari segi percakapan, intonasi dan sebagainya sebab dia bukan suami kita. Walaupun kawan rapat atau sebagainya tapi ingat ada hati yang perlu dijaga,” ujarnya.

Ernie ditemui pada Majlis Pelancaran Koleksi Tudung Ernie Zakri X Ayuwan di ibu negara, baru-baru ini.

Sementara itu, Ernie atau Nur Ernie Shahirah Zakri, 32, yang juga isteri kepada penyanyi Syamel berkata, isu orang ketiga ini bukan sahaja memberi kesan kepada pasangan suami isteri, malah ia turut mengganggu emosi anak-anak.

“Siapa sahaja wanita suka diduakan? Ada tapi dia *rare species*, sama juga wanita yang suka disondol. Kalau ikut pandangan saya, saya akan menentang siapa yang sondol-menyondol! Sebab kita ada anak dan kita tak tahu berapa banyak hati yang telah dilukai.

“Kita tak tahu apa akan terjadi seperti sekiranya anak trauma. Kita tak tahu kehidupan mereka bimbang apabila dah besar nanti akan jadi seperti ibu bapa mereka juga.

“Sebagai seorang ibu tak mahu sedikit pun perkara negatif masuk ke dalam minda mereka. Itu yang

mampu saya katakan,” katanya.

Dalam perkembangan lain, lagu Masing-Masing nyanyian Ernie mendapat sambutan di luar jangkannya.

Untuk itu, Ernie mengaku lebih bersemangat untuk muncul dengan lagu bergenre galau jika mendapat permintaan daripada peminat.

“Lagu galau ni sangat istimewa di hati peminat di Malaysia. Sampai sekarang ada yang masih tidak tahu siapa penyanyi lagu Masing-Masing.

“Sebab buang saya selalu nyanyi lagu bernada tinggi atau genre balada. Bila saya nyanyi lagu yang tenang dan galau, mereka tidak sangka saya yang nyanyikan.

“Ia bagus juga buat saya kerana dapat jalan berbeza dan pendengar yang berlainan. Sebelum ini orang tidak tahu Ernie Zakri tapi sekarang sudah tahu.

“Kalau mahu saya kekalkan konsep sebegini, ia bergantung sekiranya banyak permintaan. Kalau ramai yang mahukan lagu galau saya akan mencari lagi,” jelasnya. 📌

Meerqeen hilang berat badan

PELAKON Meerqeen, 23, mengakui sekarang merupakan waktu untuknya bekerja keras dalam kerjaya untuk meletakkan dirinya sebaris pelakon hebat di Malaysia suatu hari nanti.

Sepanjang empat tahun bergelar pelakon, dia sedar komitmen dalam bidang lakonan memaksa dirinya melupakan kehidupan seperti anak muda lain di luar sana.

“Bagi saya, fikir kerja lebih utama buat masa sekarang. Iyalah, sementara orang nak dan peluang itu datang. Tak dinafikan, ramai juga yang tegur apabila nampak badan saya sedikit susut. Mungkin disebabkan terlalu kuat bekerja.

“Jujurnya saya pun tak sedar sama ada saya kurus atau sama. Saya pun tak ada timbang berat. Tapi orang sekeliling perasan saya makin kurus,” katanya.

Disebabkan komitmen kerja, Meerqeen hanya bercuti empat hari sempena Hari Raya dan kembali ke set penggambaran drama bersiri Cinta Untuk Sekali Lagi siaran Astro.

“Kami sekeluarga menyambut Hari Raya dengan sederhana. Saya lebih selesa sederhana dan tidak ajar diri untuk berlebih-lebih. Dalam masa yang sama, saya tidak lupa untuk berkongsi rezeki dengan keluarga,” ujarnya.

Ditanya tentang gosip cinta bersama pelakon Erysha Emyra



yang digandingkan bersamanya dalam drama Cinta Untuk Sekali Lagi, Meerqeen akui wanita tersebut adalah kawan baiknya.

“Hubungan tersebut memudahkan kami untuk bina keserasian dalam drama tersebut. Kalau cakap bab hati, saya serahkan sahaja kepada Allah SWT,” ujarnya. 📌

Rindu tradisi buka pintu

KATA orang, rindu yang paling menyakitkan adalah rindu kepada orang yang telah tiada. Apatah lagi, mereka adalah ibu bapa kita.

Itulah yang dirasakan oleh pelakon **Faizal Hussein**, 57, setiap kali tibanya Hari Raya. Baginya, kenangan terindah adalah memori bersama ibu dan bapanya, Allahyarham Mahyon Ismail dan Allahyarham Hussein Abu Hassan.

“Selepas pemergian ayah pada 2007, disusuli emak sekitar 2011, hilanglah tradisi buka pintu kediaman kami pada musim lebaran. Saya rindukan saat begitu,” luahnya.

Menurut Faizal, rumahnya sentiasa dipenuhi tetamu

memandangkan ibu dan bapanya merupakan selebriti popular pada era mereka.

“Raya masa zaman kanak-kanak sehingga menginjak remaja dikelilingi peminat ibu bapa saya. Seawal selesai solat sunat Aidilfitri lagi sudah ada yang datang memberi salam sehinggalah ke tengah malam menjadikan rumah kami paling sesak di kejiranan Gombak,” katanya.

Bagi bintang filem Gila-Gila Remaja dan Kanta Serigala itu, peluang beraya bersama keluarga sebelah isterinya, Suhailla Sulaiman di Johor, sedikit sebanyak mengubati kerinduan tersebut. 📌



FAIZAL bersama isteri dan anak-anak.



Nur Aisyah idam peralatan basikal baharu

Malaysia model negara Islam terbaik

Hina Institusi Raja-Raja Melayu tindakan malang

AZLAN ZAMBRY

INSTITUSI Diraja merupakan lambang perpaduan rakyat jelata dan simbolik kepada penyatuan yang wajar dipertahankan demi kestabilan negara ini.

Pendakwah, Ustaz Ahmad Shukri Yusoff berkata ia mencerminkan sebuah negara Islam yang unik dan meletakkan peranan Yang di-Pertuan Agong (YDPA) dan Raja-Raja Melayu sebagai tonggak dan berfungsi untuk memperkukuh perpaduan rakyat walaupun terdapat perbezaan dari sudut agama, kaum serta fahaman politik.

“Boleh dikatakan Malaysia merupakan model negara Islam terbaik sekiranya masyarakat majmuk di negara ini saling mencari titik persamaan seperti yang disebut-sebut oleh pelbagai pihak termasuk Sheikhul Azhar, Al-Imam Al-Akbar Sheikh Dr Mohammad Ahmad Tayyib.

“Tindakan menghina Institusi Raja-Raja Melayu adalah satu tindakan malang, tidak beradab dan boleh menggugat kestabilan serta keharmonian hidup yang dikecapi.

“Ia bertentangan dengan ajaran Rasulullah SAW yang membawa mesej harmoni, persaudaraan, keadilan dan menekankan kasih-sayang sesama ummah,” kata beliau.

Menurut Ahmad Shukri, tindakan melakukan penghinaan secara terang-terangan menerusi media sosial merupakan sikap yang tidak bertanggungjawab.

“Kita semua bertanggungjawab memastikan negara ini akan diwariskan kepada anak cucu kerana warganya mesti dikenali kerana kemuliaan akhlak.

“Komen buruk berbau penghinaan kepada Institusi Diraja tidak menyelesaikan masalah

malah akan memberi kesan buruk,” ujarnya.

Mengulas mengenai seorang individu yang enggan mendoakan YDPA seperti yang tular baru-baru ini, Ahmad Shukri berkata Islam telah menganjurkan umatnya untuk mendoakan satu sama lain kerana ia merupakan ajaran Rasulullah.

“Islam tidak hanya mengajar kita supaya berdoa untuk diri sendiri. Dalam banyak keadaan, Islam menganjurkan supaya umatnya saling mendoakan kebaikan antara satu sama lain.

“Sudah tentu antara orang yang perlu didoakan ialah pemerintah atau Raja dan tindakan tidak mahu mendoakan mereka adalah tidak bijak serta tidak matang,”

katanya. Beliau turut



mengingatkan semua pihak bahawa Raja-Raja Melayu itu bukan sekadar simbol kepada negara bangsanya malah berperanan sebagai pusat pengukuhan kepada seluruh rakyat yang bernaung di bawah lembayung Institusi Diraja,” katanya.

Ahmad Shukri berkata, ulama dan salafusoleh terdahulu memahami perkara ini malah seorang tokoh sufi yang terkenal yang bernama Fudail bin Iyyad (Meninggal 187 H / 803 M) pernah berkata, “Seandainya aku mempunyai satu doa yang mustajab, nescaya aku akan khususnya doa ini buat pemerintah”.

“Seorang lelaki bertanya kepada Fudail bin Iyyad: Mengapa tuan tidak gunakan doa yang mustajab ini buat dirimu? Fudail menjawab, “Andai aku jadikan doa ini buat diriku sendiri maka kebbaikannya hanya buat diriku, sekiranya aku jadikan doa ini buat pemerintah, maka sekiranya pemerintah itu menjadi baik, maka kebbaikannya akan melimpahi seluruh rakyat dan negara,” katanya.

Ujar beliau lagi, sentimen kepartian dan kepentingan kelompok tertentu antara punca kepada perilaku yang menjadi barah dalam masyarakat datang dari pentaasub yang memperlihatkan sikap berprasangka buruk kepada pihak lain sekali gus memperbesar-besarkan kesilapan orang lain.

Menurutnya, semua pihak perlu memelihara negara dan menjaga kestabilannya kerana ia adalah tuntutan maqasid syariah.

“Semua pemimpin di semua peringkat dan kumpulan khususnya parti-parti politik perlu mengingatkan kepada pengikutnya untuk menjaga tingkah laku dan tutur kata kerana kadangkala pengikut berfikir jika pemimpin mereka senyap ertinya tindakan mereka adalah betul walhal tindakan mereka itu salah,” katanya. 🗨️

Henti sikap suka menanggung di air keruh

ORANG ramai diseru untuk menghentikan sebarang provokasi atau terus menyuarakan isu stoking tertera kalimah Allah untuk kepentingan diri sendiri.

Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri, **Datuk Azman Abidin** berkata perkara tersebut tidak seharusnya dipanjangkan kerana ia akan membawa keadaan tidak selesa dalam kalangan kaum-kaum lain.

“Kita negara yang mempunyai masyarakat majmuk, isu seperti ini amat sensitif, jangan jadikan ia sebagai peluru memburukkan negara.

“Kekuatan negara kita adalah kerana kepelbagaian masyarakat yang berbilang kaum, bangsa serta agama,” kata beliau.

Tambah Azman, sebagai seorang Muslim, agama Islam tidak pernah mengajar umatnya untuk berlaku zalim.

“Agama kita tak pernah menyuruh umatnya untuk melakukan kezaliman. Kita sedar bahawa isu stoking ini menimbulkan kemarahan namun tidak perlu untuk kita menghukum berlebih-lebihan.

“Malahan, Pengasas dan Pengerusi Eksekutif Kumpulan KK Supermart dan Superstore Sdn Bhd, Datuk Seri Dr KK Chai juga sudah meminta maaf serta bekerjasama dengan pihak berkuasa,” ujarnya.

Jelas Azman, orang ramai juga seharusnya lebih peka terhadap isu yang boleh membangkitkan isu-isu 3R (agama, raja dan kaum).

“Saya berharap agar tiada pihak yang cuba untuk menggunakan isu ini untuk meraih populariti.

“Hentikanlah sikap menanggung di air yang keruh, banyak lagi perkara-perkara atau isu-isu berfaedah lain,” katanya.

Seiringan itu, Azman turut menasihati pemimpin-pemimpin kerajaan juga supaya menghentikan isu ini daripada terus menjadi bualan orang ramai.

Malah menurutnya, banyak usaha atau bantuan kepada masyarakat yang telah dilaksanakan oleh kedai serbaneka tersebut.

“Kalau lihat sejarah, kedai tersebut, hampir 20 tahun sudah bertapak dengan kira-kira 800 cawangan di seluruh negara.

“Program bersama pemimpin, membantu membekalkan barangan kepada golongan yang memerlukan terutamanya fakir miskin dan banyak lagi,” ujarnya.

Selain itu, Azman berkata secara logik akal, mengapa seseorang peniaga mahu meruntuhkan perniagaan yang dibinanya selama ini.

“Kadang-kadang bila perkara sebegini terjadi, ia mengajak kita untuk berfikir, mengapa seorang peniaga mahu meruntuhkan perniagaan yang dibina selama ini, ia seperti tidak logik.

“Pihak kedai serbaneka juga ada melakukan kecuaihan, di peringkat pengurusan tidak membuat semakan teliti sebelum diedarkan,” katanya. 🗨️

